

BAB IV

BAB IV

LAPORAN PENYELIDIKAN

PENGENALAN

Di dalam bab IV ini, penulis memaparkan hasil penyelidikan penulis mengenai tajuk disertasi ini. Hasil kajian penulis, pendidikan Islam di Besut berkembang dan bergerak dengan medium atau perantara institusi-institusi pendidikan Islam. Institusi-institusi tersebutlah yang bertanggungjawab memastikan pendidikan Islam dipraktik oleh masyarakat di Besut serta memberi kesan dalam mencorak masyarakat di Besut.

Didapati Besut mempunyai banyak institusi pendidikan Islam. Penulis mengklasifikasikan institusi tersebut adalah institusi pendidikan Islam kerana, corak dan pembelajarannya berlandaskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Walaupun pada ketika itu, wujudnya Sekolah Rakyat yang bertugas mengajar asas-asas membaca dan menulis, namun pembelajaran di sekolah tersebut hanya menumpukan subjek tersebut sahaja, iaitu mengenal huruf, membaca, menulis dan mengira. Jadi penulis berpendapat, sekolah tersebut tidak dikategorikan sebagai institusi pendidikan Islam.

Dari segi sejarah, Besut yang merupakan salah sebuah daerah di Terengganu, turut mengalami suatu proses perkembangan keilmuan dan kesedaran keislaman di Terengganu. Dengan berlakunya proses tersebut, perkembangan dan kemajuan dalam ilmu pengetahuan keislaman turut seiring dan mempengaruhi masyarakat di Besut. Kemajuan tersebut menjadi asas penting di dalam usaha membentuk jiwa masyarakat.

Institusi pendidikan Islam yang dimaksudkan penulis ialah, suatu institusi yang bertanggungjawab mengajar masyarakat tentang pembelajaran yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah serta bermatlamat kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Setelah meneliti fakta-fakta dan data-data, penulis dapati, dua corak institusi pendidikan Islam utama yang terdapat di Besut yang wujud pada tahun 1872 hingga 1937 ialah institusi pondok dan institusi masjid atau surau. Selain daripada itu, institusi rumah juga turut diamalkan.

Institusi masjid atau surau diperkenalkan seiring dengan pengajian yang dijalankan oleh pendidik yang datang mengajar di Besut. Kebiasaannya, langkah pertama di dalam sejarah pendidikan Islam adalah mendirikan masjid atau surau bagi tujuan menyatukan penduduk setempat dan seterusnya menjadi tempat pengajaran agama Islam. Hal ini sejajar dengan langkah permulaan Baginda S.A.W membina masjid sebaik sahaja sampai menetap di Madinah ketika awal penghijrahan umat Islam dari Mekah.¹

Langkah yang sedemikian turut diikuti oleh sebilangan besar pendidik Islam. Sepanjang kajian, penulis dapati setiap pendidik yang mempelopori pendidikan agama Islam sama ada di Terengganu amnya atau di Besut khususnya, membina surau atau masjid untuk pengajaran. Sebagai contoh, Tok Syeikh Duyong (Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd. Amin) mendalami ilmu tasawwuf, Fekah, Usuluddin, Tafsir, Hadis di Mekah dan Pattani, kemudian kembali di kampung halaman beliau di Kuala Terengganu membina masjid sebagai institusi pendidikan Islam di tempat beliau.²

¹Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Bûti (1991), *op.cit*, h.272

²Muhammad Abu Bakar (1987), "Haji Wan Abdullah Haji Wan Mohd. Amin", *PESAKA IV*, Terengganu: Lembaga Muzium Negeri, h. 90-92

Tuan Guru Haji Hassan Al-Fatani, pelopor institusi pondok di Besut, memulakan langkah pertama beliau dengan membina surau bagi tujuan pengajaran agama Islam. Tuan Guru Haji Muhammad bin Hussein mengajar di surau-surau dan masjid terlebih dahulu sebelum membina sebuah masjid di Kuala Besut iaitu di tempat tinggal beliau sebagai institusi pendidikan Islam.

Pembinaan masjid dan surau seakan menjadi suatu kemestian bagi setiap pendidik dalam usaha menggiatkan lagi pendidikan Islam di Besut. Setiap pondok sekurang-kurangnya mempunyai sebuah surau yang dibina untuk tujuan pendidikan Islam.

Institusi masjid berperanan juga memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak kecil mengaji al-Qur'an. Penguasaan membaca al-Qur'an amatlah penting sehinggakan masyarakat akan memandang tinggi jika seseorang dapat menamatkan pengajian al-Qur'an atau khatam.³ Oleh sebab itulah, masyarakat Islam terutama di Terengganu memanfaatkan sebaik mungkin institusi masjid sehinggakan Abdullah Munsyi mengiktirafkan akan kepandaian orang Terengganu di dalam membaca al-Qur'an sehinggakan termasyhur sampai ke negeri lain.⁴

Pengajian di masjid adalah suatu pengajian yang bersifat bebas iaitu tiada sistem dan peraturan yang khusus. Pelajar berhak bertukar guru dan boleh memilih masjid tertentu untuk belajar. Sebagai contoh pelajar yang pernah menuntut di bawah pengajaran Tuan Guru Haji Muhamad bin Hussein, berpindah ke beberapa institusi

³*Ibid*, h.81

⁴R Brons Middel (1893), *Kesah Pelayaran Abdoellah bin Abd. Kadir Moensji, Dari Singapura Sampai ke Negeri Kelantan*, h.41.

berdekatan iaitu di bawah pengajaran Tuan Guru Haji Umar dan Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif di Jerteh, sekitar tahun 1930an.

Walaupun pelajar berhak memilih institusi masjid untuk menimba ilmu, namun begitu guru berhak menegur dan memandang serius kepentingan dan perkembangan pendidikan umat Islam. Guru-guru dipandang tinggi oleh masyarakat setempat.⁵

Selain daripada institusi masjid, institusi surau juga berperanan dalam memartabatkan pendidikan Islam di Besut. Institusi surau adalah berperanan sebagai penyambung peranan masjid. Menurut M.A.Rauf, surau dibina oleh ulama sufi untuk mendidik masyarakat sekeliling yang baru memeluk Islam. Surau kebiasaannya dibina secara bergotong royong di tanah yang telah diwakafkan. Guru turut menjadi imam dan pengurus bagi surau tersebut.⁶

Selain daripada institusi masjid atau surau, institusi rumah juga turut menyumbang ke arah pendidikan Islam di Besut. Pada awal pendidikan agama iaitu dalam mempelajari bacaan al-Qur'an atau mengaji, institusi rumah pendidik tersebut dijadikan tempat pendidikan Islam.⁷

Kebiasaannya guru yang mengajar al-Qur'an adalah dari imam-imam, bilal atau seseorang yang arif tentang bacaan al-Qur'an. Pelajar yang kebanyakannya dari

⁵M.A.Rauf, "Islamic Education" *Intisari* Vol.2, No.1, h.14-15

⁶*Ibid*, h.16-19

⁷ Temubual dengan Ustaz Wan Hassan Ahmad, pada 13 April 2002, di kediaman beliau di Kampung Padang Luas, Jerteh Terengganu.

kalangan kanak-kanak akan mengunjung ke rumah guru mereka untuk mengaji. Sessi pengajian al-Qur'an biasanya diadakan pada waktu petang atau malam hari. Bagi seseorang guru, bilangan pelajarnya sekitar sepuluh hingga lima belas orang.

Tiada bentuk bayaran khusus dikenakan. Guru yang mengajar mengaji mengajar dengan ikhlas hati. Keikhlasan ini dibayar dengan kanak-kanak berkhidmat kepada guru tersebut dengan mengambil air untuk kegunaan guru dan sebagainya. Kadang-kadang ibubapa pelajar turut menghadiahkan beras, kain, hidangan lauk dan sebagainya. Guru mengajar mengaji turut dipandang tinggi di kalangan mesyarakat setempat.⁸

Secara kasar institusi pondok ini lebih menyamai institusi *kuttab* (sebagaimana yang telah penulis nyatakan di dalam bab dua). Penulis mendapati, institusi pondok adalah suatu institusi terpenting di Besut pada tahun 1872-1937. Peranan yang dimainkan oleh institusi pondok ini amat penting sehinggakan institusi pondok masih wujud hingga sekarang di Besut.

Institusi pondok adalah satu-satunya institusi pendidikan Islam yang paling utama pada ketika itu. Kebanyakan pemuda dinasihatkan menuntut ilmu agama di institusi pondok. Namun begitu, golongan tua turut mengambil kesempatan mempelajari ilmu agama di institusi pondok tersebut.

Persamaan antara institusi pondok dengan *kuttab* tersebut boleh didapati dari segi sistem pembelajaran iaitu di kedua-dua institusi menekankan pembelajaran al-

⁸ *Ibid*

Qur'an sebagai asas awal dalam institusi tersebut. Kemudian barulah disusuli dengan pembelajaran ilmu-ilmu Islam yang lebih mendalam seperti fiqh, 'aqidah, usul fiqh, muṣṭolah al-Hadīth dan sebagainya.

4.1 LATAR BELAKANG PONDOK-PONDOK DI BESUT YANG DIASASKAN SEKITAR TAHUN 1872 – 1937

Pada bab satu, penulis telah membincangkan tentang sejarah penubuhan institusi pendidikan Islam di Daerah Besut. Individu yang bertanggungjawab membawa pendidikan Islam di Besut ialah Tuan Guru Haji Hassan Al-Fatani yang berasal dari Pattani.⁹ Berteraskan pendidikan berasaskan al-Quran dan as-Sunnah, beliau memulakan pengajiannya di surau-surau dan masjid-masjid di sekitar Kampung Palembang dan Kampung Raja.

Oleh kerana pendidikan tersebut merupakan satu-satunya sistem yang terdapat di masa itu, ramai penuntut yang terdiri dari pelbagai golongan masyarakat terutama kaum belia mendirikan bangsal-bangsal kecil di sekitar kediaman Tuan Guru bagi meneruskan sesi pengajian yang lebih berkesan. Dengan terdirinya beberapa buah pondok kecil ini, maka pendidikan ini lebih terkenal dengan nama Sekolah Pondok. Bayaran pengajian tidak dikenakan oleh Tuan Guru, tetapi sebagai balasan

⁹Ramai di kalangan ulama dari Patani datang ke Terengganu disebabkan tekanan yang mereka hadapi di tanah air mereka berikutan pemerintahan yang bukan Islam. Ulama-ulama dari Patani memilih Terengganu kerana wujudnya hubungan tradisi dan keislaman terutama dari segi keilmuan antara Patani dan Terengganu. Pada abad ke 19, Terengganu pesat maju terutama dalam bidang keilmuan, menjadikan ulama Patani memilih Terengganu tempat bermastautin. Kemajuan yang meningkat dalam ilmu pengetahuan di Terengganu kerana mendapat galakan sendiri daripada baginda Sultan Omar dan Sultan Zainal Abidin III. Melihat dua faktor utama inilah iaitu kemajuan ilmu pengetahuan dan keamanan serta keselamatan, menjadikan ulama Patani berhijrah ke Terengganu termasuklah ke Besut dan mencurahkan bakti ilmu di Besut. Lihat Shafie Abu Bakar (1989), "Perkembangan Keilmuan Dan Kesedaran Keislaman Di Terengganu" *PESAKA V*, Terengganu: Lembaga Muzium Negeri, h.15.

ganjaran, penuntut di sana memberi khidmat tenaga kepada pendidik mereka seperti, memotong kayu api, membersihkan halaman rumah, mengangkut dan mengisi air ke dalam bekas untuk kegunaan harian tuan guru mereka.

Semasa sesi pembelajaran, penuntut hanya duduk bersila dan membawa beberapa buah kitab pengajian. Teras utama pengajian lebih menjurus kepada hafalan dan pemahaman sesuatu pembelajaran.

Sistem pendidikan pondok di Besut merupakan suatu tradisi pengajian pondok yang agak kukuh dan stabil berbanding daerah-daerah lain di Terengganu kecuali Kuala Terengganu.¹⁰ Kelebihan Besut yang mempunyai kaitan perdagangan dengan Pattani, menjadikan Besut dikenali dengan sistem pengajian pondoknya, yang mana ramai penuntut yang datang belajar ke Besut berasal dari negeri berdekatan seperti Kelantan, Pahang, Patani dan dari daerah-daerah lain di Terengganu. Penuntut-penuntut yang belajar di pondok-pondok tersebut bukan sahaja dari kalangan kaum petani malahan di kalangan istana turut mengambil peluang belajar. Bahkan tuan guru yang mengajar di pondok tersebut disanjung dan dipandang mulia oleh pihak istana. Ini jelas terbukti semasa Tuan Guru Haji Hussein, di Kampung Lampu (murid Tuan Guru Haji Hassan Al Fatani) yang mana beliau turut diperlukan dalam membuat sebarang keputusan di istana dan turut diminta pandangan dan nasihat dari istana.¹¹

¹⁰Sejarah kelahiran pondok di Terengganu sebenarnya berpunca dari perkembangan ilmu keislaman di Terengganu selari dengan zaman kegemilangan ilmu pengetahuan di Aceh pada abad ke-17. Pada masa itu seorang alim dari Terengganu iaitu Abdul Malik bin Abdullah pernah ke Aceh untuk menyambung pelajarannya sebelum menyambung pelajarannya ke Mekah. Setelah kepulangan beliau, sistem pengajian pondok diperkenalkan. Pondok pertama ialah Pondok Pulau Manis yang diasasnya. Lihat, Shafie Abu Bakar (1983), "Identiti Keagamaan Dan Tradisi Pengajian Di Terengganu", *PESAKA*, Terengganu: Lembaga Muzium Negeri, h.11.

¹¹ Muhammad Abu Bakar, (1991) *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd. Lih. Mahmud Mamat, *Ulama Pondok dan Pendidikan Islam Di Besut*, h.64

Di dalam bab ini, penulis hanya menumpukan kepada enam buah institusi pengajian pondok yang ditubuh sekitar tahun 1872 – 1937.

Enam buah institusi pendidikan Islam yang masyhur tersebut ialah:

- i. Pondok Tuan Guru Haji Hassan Al-Fatani. Surau Kampung Gong Surau Besut. Diasaskan pada 1872M. Beliau meninggal pada 1910M.
- ii. Pondok Tuan Guru Haji Hussein bin Muhammad Amin. Pondok Kampung Lampu, dibuka pada tahun 1905 hingga 1917M.
- iii. Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussein. Pondok Kuala Besut. Dibuka pada 1918 hingga 1930M.
- iv. Tuan Guru Haji Umar. Pondok Kampung Raja, dibuka tahun 1919 hingga 1941M.
- v. Tuan Guru Haji Abas bin Haji Muhammad. Pondok Bukit Puteri, dibuka tahun 1935M.
- vi. Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif bin Wan Abdul Kadir. Pondok Jerleh, dibuka pada 1935 hingga 1957M.

Walaupun pada asalnya, penulis dapat mengenal pasti tiga lagi institusi pendidikan Islam yang ada pada masa tempoh kajian, tetapi penulis berpendapat institusi tersebut tidak dapat menyumbang kepada kajian penulis dan institusi tersebut tidak kekal lama dan mempunyai penuntut yang terhad dan kurang bilangannya. Kebanyakan institusi tersebut lahir setelah belajar di beberapa pondok yang terkenal seperti yang penulis senaraikan di atas.

Senarai enam buah pondok di atas, memberi sumbangan yang besar di dalam perkembangan pendidikan di Daerah Besut sama ada dari kepentingan sejarahnya dan juga sumbangan dalam melahirkan generasi pendidik. Hasil didikan institusi tersebut, masih terdapat institusi pondok di Daerah Besut ini.

i. Pondok di Surau Gong Surau yang diasaskan oleh Tuan Guru Haji Hassan al-Fatani.

Tuan Guru Haji Hassan al-Fatani adalah orang yang bertanggungjawab memperkenalkan pengajian agama Islam ala pondok di Daerah Besut.¹² Dengan mengajar kitab-kitab agama dan al-Quran di Surau Palembang dan Masjid Kampung Raja, beliau dipandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat setempat. Beliau yang berasal dari Patani, datang ke Besut dalam usaha memperkembangkan ilmu beliau disambut baik oleh Raja Besut pada masa itu.¹³ Beliau bukan setakat mengajar penduduk kampung, bahkan beliau diberi kepercayaan mengajar di istana.¹⁴

Bukan setakat mahir dalam ilmu agama, Tuan Guru Haji Hassan juga mempunyai ilmu dalam merawat sakit sama ada sakit batin atau sebagainya. Beliau juga digelar tabib dan dianggap keramat kerana dapat mengubati pentakit yang luar

¹²Menurut kajian Haji Wan Mohd. Saghir Abdullah, beliau mendapati bahawa nama sebenar Tuan Guru Haji Hassan ialah Tuan Guru Haji Wan Hassan Wan Ishaq al-Fatani, atau lebih dikenali sebagai Tuan Guru Haji Wan Hassan Besut. Menurut Haji Wan Mohd. Saghir, ada sumber yang mengatakan Tuan Guru Haji Wan Hassan Besut meninggal pada tahun 1860M. Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah (1991), "Tuan Guru Wan Hassan Besut, Guru Keluarga Raja Dan Masyarakat Besut" *DAKWAH*, h.16.

¹³Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang, (1978), *Terengganu Dari Bentuk Sejarah*, Kuala Lumpur, Utusan Publication, h. 170

¹⁴ *Ibid*, h. 64. Lihat juga, Mat Hussin bin Dollah (1989), "Besut Dari Perspektif Sosio-politik 1700-1900", *PESAKA V*, Terengganu: Lembaga Muzium Negeri, h. 85.

biasa. Beliau meninggal dunia pada tahun 1910 dan dikebumikan di Perkuburan Islam Palembang, Kampung Raja, Besut.

ii. Pondok Kampung Lampu diasaskan oleh Tuan Guru Haji Hussein

Tuan Guru Haji Hussein adalah pelopor dalam memperkenalkan pengajian pondok secara rasmi di Besut.¹⁵ Sebenarnya Tuan Guru Haji Hussein adalah salah seorang anak murid Tuan Guru Haji Hassan yang berasal dari Pattani tersebut. Sebelum ini Tuan Guru Haji Hassan hanya mengajar di surau-surau dan masjid-masjid termasuklah di Surau Gong Surau yang dijadikan tempat kediamannya. Hakikat sebenarnya Tuan Guru Haji Husseinlah yang bertanggungjawab memperkenalkan pengajian pondok secara rasmi dan bersistem di Besut.¹⁶

Tuan Guru Haji Hussein bin Haji Mohammad Amin telah membuka pondok pengajian pada tahun 1905M.¹⁷ Ada pendapat lain bahawa pondok ini diasaskan pada tahun 1873M.¹⁸ Hasil usaha Tuan Guru Haji Hussein berjalan sehingga tahun 1917M. Beliau berasal dari Tnat Dang, Yala Daerah Pattani, Selatan Thai.

¹⁵Pondok pengajian Haji Hussein ini adalah kesinambungan dan adanya jalinan dengan Pondok Pengajian di Serengas, Kuala Terengganu yang diasaskan oleh Haji Abdul Malik bin Isa, cicit Haji Abdul Malik Muhammad atau lebih dikenali Tok Pulau Manis. Sila lihat, Shafie Abu Bakar (1989), *op.cit.* h.14.

¹⁶ *Ibid*, h.65

¹⁷ *Ibid*

¹⁸Pendapat sedemikian kerana berpandukan bahawa Haji Hussein adalah pelajar di Pondok Haji Hassan, dan usaha dalam mempergiatkan pondok Haji Hassan turut dibantu kuat oleh Haji Hussein. Oleh sebab itulah, ada yang berpendapat, pondok ini diasas pada 1873, iaitu sama tarikh dengan pondok Haji Hassan. Lihat Shafie Abu Bakar (1989), "Perkembangan Keilmuan Dan Kesedaran Islam Di Terengganu" *PESAKA V*, Terengganu: Muzium Negeri Terengganu, h.15

Selama beliau menjadi murid Tuan Guru Haji Hassan beberapa tahun di Pattani, beliau bersetuju untuk berpindah bersama gurunya dan rakan-rakannya ke Besut. Beliau membawa keluarganya sekali termasuklah anak-anak beliau Tuan Haji Muhammad, Haji Abdullah, Haji Abdul Kadir dan Haji Awang. Secara tidak langsung, anak-anak beliau memainkan peranan besar dalam perkembangan pendidikan pondok di Besut.¹⁹ Tuan Guru Haji Hussein selalu ke Mekah, disamping beribadat, beliau mendalami lagi ilmu agama di sana. Turut dibawanya bersama, anak-anak beliau agar turut dapat menimba ilmu agama dari guru-gurunya di Mekah.

Bersesuaian dengan ciri-ciri kemajuan di Kampung Lampu pada masa itu, amat wajarlah Tuan Guru Haji Hussein membuka pondok di Kampung Lampu. Pada ketika itu, Kampung Lampu di bawah pengawasan seorang raja bernama Tengku Muda.²⁰ Tengku Muda memerintah Kampung Lampu atas arahan yang dipertanggungjawabkan oleh Raja Terengganu pada ketika itu. Kampung Lampu ketika itu merupakan pusat perdagangan barangan tempatan seperti kelapa, padi, pinang dan sebagainya. Oleh kerana itu, Kampung Lampu merupakan kawasan pertemuan di kalangan masyarakat setempat terutama ketika urusan berjual beli. Berdasar dari kriteria inilah, Tuan Guru Haji Hussein berpendapat, Kampung Lampu amat sesuai untuk didiami dan memperkembangkan ilmu agama kepada masyarakat setempat.

¹⁹ *Ibid*

²⁰ Pada masa pemerintahan Tengku Muda, berlaku perebutan kuasa antara Tengku Ngah dan Tengku Muda di Besut. Dalam keadaan genting itu, Tengku Ngah menyerahkan kuasa kepada adiknya Tengku Chik Haji di Kampung Raja dan Tengku Muda berkuasa di Kampung Lampu. Pertelingkahan ini menyebabkan campur tangan Sultan Terengganu. Penyelesaian berpihak kepada Tengku Haji Chik kerana Kampung Raja lebih berpotensi untuk maju. Sila lihat, Ahmad Said, T.T, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h.35. Lihat juga, <http://www.terengganu.gov.my/pdbesut/sejarah.htm>

Dengan kedatangan Tuan Guru Haji Hussein ke Kampung Lampu dalam usaha beliau mengajar dan berkhidmat dalam pendidikan, menjadikan Kampung Lampu lebih terkenal di seluruh Besut dan juga ke negeri lain seperti Kelantan, Pahang, Pattani dan daerah-daerah lain di Terengganu. Kampung Lampu bukan setakat terkenal dengan dengan pusat perdagangan yang terbesar di Besut pada ketika itu, bahkan terkenal dengan pusat menuntut ilmu yang diasaskan oleh Tuan Guru Haji Hussein.²¹

Pada mulanya, Tuan Guru Haji Hussein hanya menumpukan pengajarannya kepada penduduk tempatan sahaja dan juga anak-anak Tengku Muda, tetapi pada tahun 1905, terdapat sejumlah pelajar yang besar yang datang dari Kelantan, Pahang dan daerah-daerah lain di Terengganu datang menuntut ilmu dari Tuan Guru Haji Hussein. Ini disebabkan pedagang-pedagang yang datang ke Kampung Lampu turut menghebahkan perkhbaran tentang pusat pembelajaran yang diasaskan oleh Tuan Guru Haji Hussein sekembalinya mereka ke tempat asal mereka. Ditambah lagi apabila bekas anak murid beliau turut mengkhabarkan tentang pondok Tuan Guru Haji Hussein ini di tempat mereka masing-masing.

Justeru itu, melihat kepesatan pelajar yang ingin belajar di pondok beliau, Tuan Guru Haji Hussein telah meminta keizinan dari Tengku Muda untuk memiliki suatu kawasan bagi membolehkan beliau dirikan pondok-pondok kepada pelajar-pelajarnya secara lebih teratur terutama pelajar yang datang dari luar Terengganu dan yang jauh dari kawasan pondok.²²

²¹ Shafie Abu Bakar (1986), *op.cit.* h.15

²² Hasil temubual penulis artikel iaitu Mahmud bin Mamat dengan Tuan Haji Abdul Kadir bin Tuan Guru Haji Hussein di Kampung Darau Jerleh, Terengganu pada 24 Mac 1975. Lihat, Mahmud Bin

Dengan terdirinya pondok ini, maka bertambah berkembang pesatlah pelajar-pelajar yang datang ke pondok beliau sehingga mencecah lebih kurang empat puluh (40 buah) pondok didirikan dan seramai 100 orang penuntut yang belajar di sana sekitar tahun 1916M.

Setelah kemangkatan Tengku Muda, Raja Besut telah melantik Tengku Wok sebagai wakil menggantikan ayahandanya Tengku Muda.²³ Walaupun pertukaran pucuk pemerintahan, hubungan baik yang terjalin terus kekal malah bertambah erat terutama apabila Tengku Wok senang mendampingi anak-anak Tuan Guru Haji Hussein terutama Tuan Guru Haji Muhammad. Hal ini membuatkan keluarga Tuan Guru Haji Hussein dianggap penting dalam pentadbiran wakil Raja itu.²⁴

Berkat latihan dan tunjuk ajar dari Tuan Guru Haji Hussein kepada anaknya, dapat melatih anak beliau bagi menggantikan beliau sebagai guru pondok di Pondok Kampung Lampu. Langkah beliau dengan membawa anak-anaknya bersama ke Mekah dalam usaha menambah ilmu pengetahuan sememangnya membuahkan hasil. Pada tahun 1917, Tuan Guru Haji Hussein telah meninggal dunia dan urusan pondoknya diserahkan kepada anak beliau Tuan Guru Haji Muhammad. Tuan Guru Haji Muhammad telah mengambil alih sebagai guru pondok menggantikan arwah

Mamat T.T., "Pondok Di Besut: Satu Tinjauan Tentang Asal Usul Kemunculannya", *Terengganu Dahulu Dan Sekarang*, h.75

²³ Dengan peralihan kuasa daripada Tengku Muda kepada Tengku Wok, menyebabkan timbul perkelahian antara dua beradik iaitu Tengku Wok dan Tengku Chik. Namun begitu, kedudukan Tuan Guru Haji Hussein tidak terjejas. Sila lihat, Muhammad bin Abu Bakar (1991), *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, h.66.

²⁴ Tuan Guru Haji Hussein dipandang sangat mulia oleh masyarakat setempat sehinggakan ada yang mengatakan beliau adalah manusia 'berkat'. Ramai dari kalangan masyarakat kampung meminta air tawar dari beliau kerana mempercayai air jampi beliau ada keberkatannya.

ayahnya untuk beberapa tahun. Apabila beliau berkahwin dengan seorang gadis Kuala Besut, beliau telah berpindah ke sana dan membuka pondok di sana. Pondok Kampung Lampu ini diambil alih oleh adiknya Tuan Guru Haji Abdullah. Walau bagaimanapun, peralihan ini tidak kekal lama kerana Tuan Guru Haji Abdullah membuka perniagaan sendiri. Ini membuatkan Pondok Kampung Lampu terhenti di situ dan menyebabkan penuntutnya berpindah ke pondok-pondok lain dalam usaha menyambung dan menambah ilmu pengetahuan.

iii. Pondok Kuala Besut diasaskan oleh Tuan Guru Haji Muhammad

Tuan Guru Haji Muhammad adalah anak kepada Tuan Guru Haji Hussein, pengasas Pondok Kampung Lampu. Hampir setahun menggantikan ayahnya di Pondok Lampu, beliau berhasrat berpindah ke Kuala Besut setelah berkahwin dengan seorang gadis Kuala Besut. Pada tahun 1918M, beliau mendirikan pondoknya di Kuala Besut dan mendapat sambutan yang menggalakkan.²⁵

Tuan Guru Haji Muhammad dilahirkan di Tnat Dang, Yala Pattani, Selatan Thai pada tahun 1880M. Ayahandanya membawanya ke Besut ketika umurnya belasan tahun. Pendidikan asas yang diperolehi dari ayahnya sendiri, ditambah lagi beliau merupakan anak pertama Tuan Guru Haji Hussein, kelebihan pendidikan diberi lebih tumpuan kepada beliau. Tuan Guru Haji Muhammad adalah anak pertama yang dibawa oleh Tuan Guru Haji Hussein ke Mekah dan turut medalami ilmu agama di sana.

²⁵ Mahmud Mamat T.T, *Ulama pondok dan Pendidikan Islam di Besut*, h.67

Pengajiannya di Mekah dimanfaatkannya bersungguh-sungguh dalam usaha mendalami ilmu agama. Beliau berguru dengan Sheikh Daud al-Fatani dan di antara rakan seperguruan beliau ialah Tok Kenali dan Haji Abdullah Tahir yang merupakan tokoh ulama Kelantan dan turut membuka pondok di Kelantan. Persahabatan yang erat antara rakan seperguruan dan guru mereka menyebabkan mereka berkongsi cita-cita yang sama iaitu untuk memperkembangkan pelajaran agama Islam dan mendirikan pondok sendiri sepulangnya mereka ke tanah air.

Pada tahun 1917M, Tuan Guru Haji Muhammad pulang ke Tanah Melayu setelah diberitahu ayahnya Tuan Guru Haji Husein sedang sakit tenat. Beliau sempat berjumpa dengan ayahnya dan ayahnya berpesan agar mengambil alih tempat beliau di Pondok Kampung Lampu. Setelah bertahan hanya setahun, Tuan Guru Haji Muhammad berpindah ke Kuala Besut setelah berkahwin dan Pondok Kampung Lampu diserahkan kepada adik beliau.²⁶

Disebabkan keperihatian Tuan Guru Haji Muhammad terhadap masyarakat setempat di Kuala Besut, menyebabkan beliau terdorong dalam memperkembangkan ilmu agama di Kuala Besut. Pada masa itu, Kuala Besut masih belum ada seorang pun ulama atau individu yang alim dalam agama Islam, dan masyarakat setempat yang terdiri dari kaum nelayan hanya memenuhi rutin hidup mereka dengan bekerja dan berhibur. Setelah penat bekerja, mereka lebih suka berhibur dengan permainan Mak Yong, Wayang Kulit dan Rambong Siam.²⁷

²⁶ *Ibid*

²⁷ Mak Yong, dan Rambong Siam adalah suatu bentuk tarian hiburan tradisional. Kebiasaannya ditarikan pada perayaan tertentu atau di musim menuai padi. Manakala Wayang Kulit pula sejenis

Bila melihat masyarakat Kuala Besut tidak begitu mengambil berat tentang pendidikan Islam di kalangan masyarakat sekeliling, Tuan Guru Haji Muhammad dengan penuh kesedaran ingin mengubah cara hidup sebegini dengan mengadakan pengajian ilmu bermula di masjid-masjid. Mendapat sokongan dan kerjasama dari golongan tua, Tuan Guru Haji Muhammad dapat membina sebuah masjid bagi memudahkan proses pengajaran beliau.²⁸ Disebabkan beliau merupakan seorang yang alim di kawasan itu, beliau dipandang mulia oleh masyarakat setempat dan penduduk Kuala Besut mempercayai bahawa Tuan Guru mempunyai 'keberkatannya'. Ramai di kalangan penduduk meminta air tawar dan jampi dari beliau.

Pada mulanya, Tuan Guru Haji Muhammad menumpukan pengajarannya di masjid sahaja. Hal ini berubah setelah ramai dari kalangan penuntut di Pondok Kampung Lampu yang di bawah kelolaan adik beliau, Tuan Guru Haj Abdullah, telah datang belajar dengan beliau. Akibat dari penuntutnya bertambah terutama bekas dari Pondok Kampung Lampu, penuntut dari luar Daerah Besut, dari Pattani, Kelantan dan Pahang, membuatkan Tuan Guru Haji Muhammad mewujudkan pembelajaran ponok di tempat beliau²⁹.

Pondok Kuala Besut mencapai kegemilangannya sekitar tahun dua puluhan yang mana penuntutnya teridiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dari keluarga

patung yang diperbuat daripada belulang binatang, diberikan watak-watak tertentu dan dimainkan di belakang tabir atau layar dengan bercahayakan lampu atau pelita

²⁸ Mahmud Mamat (T.T), *op. cit.*, h.68

²⁹ Sambutan dari penuntut dari Pattani berkait rapat dengan tekanan yang diterima oleh orang-orang Muslim di Selatan Thai pada masa itu. Manakala di Pahang masih belum wujud sekolah pondok di sana dan ini membuatkan ramai dari mereka menuntut ilmu di Daerah Besut.

yang miskin, berniaga kecil-kecilan hinggalah keluarga yang kaya. Bilangan penuntut berkurangan sekitar tahun 1930-an apabila beramai di kalangan pelajarinya berpindah ke pondok baru iaitu Pondok Haji Wan Abdul Latif di Jertih dan Pondok Kampung Raja oleh Tuan Guru Haji Umar. Pondok-pondok tersebut sebenarnya diasaskan oleh bekas anak murid beliau juga. Kepesatan pendidikan moden pada tahun 1970-an juga turut menyumbang kemerosotan pondok Tuan Guru Haji Muhammad ini. Tuan Guru Haji Muhammad meninggal dunia pada tahun 1971, dan ketika itu, pondoknya hanya tinggal lima buah sahaja.

iv. Pondok Kampung Raja diasaskan oleh Tuan Guru Haji Umar

Tuan Guru Haji Umar adalah anak jati Besut. Beliau dilahirkan pada tahun 1891M di Kampung Sungai, Kampung Raja.³⁰ Belum pun usianya mencecah tiga puluh tahun, beliau telahpun membuka pondoknya di Kampung Raja. Ini kerana pada usia empat belas tahun lagi, beliau sudah terdedah dengan ilmu agama dengan Tuan Guru Haji Hussein di Kampung Lampu. Mempunyai kelebihan berketurunan keluarga yang berada, Tuan Guru Haji Umar berpeluang menuntut ilmu di Mekah selama dua belas tahun. Di sana beliau berguru dengan seorang guru yang digelar Datuk Sembawa (dari keturunan Jawa). Tuan Guru Haji Umar mempunyai peribadi yang baik dan bersopan santun. Hal ini membuatkan beliau disenangi oleh guru dan rakan-rakannya.

Pada tahun 1919, Tuan Guru kembali ke tanah air dari Mekah dan menetap di Kampung Palembang, berhampiran dengan Kampung Raja Besut. Sekembalinya beliau, kegiatan pengajaran dimulakan di masjid di Kampung Palembang yang

³⁰ Temubual penulis artikel "Ulama Suatu Sorotan" dengan Hajjah Wan Saidah bte. Haji Ahmad di Kampung Raja, Besut pada 3 April 1975.

didirikan secara kerjasama oleh masyarakat setempat. Dengan adanya pengajaran oleh Tuan Guru Haji Umar, penuntutnya berkembang pesat hingga terdirinya lebih kurang tujuh puluh buah pondok kesemuanya dengan murid seramai seratus lima puluh orang.

Tuan Guru Haji Umar turut disegani oleh pemerintah Besut iaitu Tengku Chik dengan melantik beliau sebagai Imam Masjid Raja dengan diberi saguhati \$30.00 sebulan.³¹

Pada tahun 1932, kebakaran berlaku di Kampung Palembang yang turut melibatkan penempatan Tuan Guru Haji Umar dan pondok-pondoknya. Disebabkan kebakaran ini, penuntut-penuntutnya yang tinggal jauh dari Daerah Besut, terpaksa tinggal sementara di masjid di Kampung Raja. Hal ini menyebabkan Tuan Guru Haji Umar berpindah ke Kampung Beris, Kampung Raja bagi memulakan pengajian pondoknya yang baru. Di situ, mereka membina masjid dan pondok-pondok baru bagi meneruskan pembelajaran mereka.

Pada tahun 1941, Tuan Guru Haji Umar meninggal dunia dan ini menyebabkan ramai pelajaranya berpindah ke pondok-pondok lain akibat tiada pengganti Allahyarham di pondoknya.³²

³¹ Mahmud Mamat (T.T), *Ulama Pondok dan Pendidikan Islam di Besut*, h.70

³² *Ibid*

v. Pondok Tuan Guru Haji Abas bin Haji Muhammad, di Bukit Puteri

Beliau dilahirkan di Bukit Puteri pada tahun 1909M. Tuan Guru Haji Abas mendapat pendidikan awal di Pondok Tuan Guru Haji Muhammad di Kuala Besut pada tahun 1926M. Semasa pengajian beliau di pondok, beliau mempunyai fikiran yang kritis. Beliau tidak mudah menerima bulat-bulat apa yang diajar oleh gurunya tiada kepuasan dalam dirinya. Sikapnya ini menjadikan beliau kurang disenangi oleh rakan-rakannya yang menganggap Tuan Guru Haji Abas sebagai penderhaka terhadap gurunya.³³

Beliau pergi melanjutkan pelajarannya ke Mekah dalam usaha mendalami lagi ilmu agama dalam dirinya. Di antara guru yang beliau sempat berguru ialah, Sheikh Said Al Yamani, Sheikh Mokhtar, Sheikh Muhammad Patani, Sheikh Ali Maliki, Pak Da Ismail Patani dan Sheikh Daud Al Patani. Sepanjang Tuan Guru Haji Abas berada di Mekah, beliau banyak membaca majalah-majalah dan akhbar-akhbar seperti *Al Manār*.³⁴ Akhbar-akhbar dan majalah-majalah ini turut menyumbang ke arah corak pemikiran Tuan Guru Haji Abas. Kebanyakan penulis yang menulis di dalam majalah tersebut lebih radikal kerana ianya menjurus kepada pembebasan fikiran manusia daripada belenggu penjajahan barat. Beliau juga turut berminat mengikuti perkembangan gerakan Wahabi dan The Young Turk yang dipimpin oleh Kamal Atatürk.³⁵

³³ *Terengganu, dahulu dan sekarang*, T.T Mahmud Mamat, "Pondok Di Besut: Satu Tinjauan Tentang Asal Usul Kemunculannya," h.80

³⁴ *Ibid*

³⁵ *Ibid*

Pengajian beliau di Mekah terhenti seketika apabila Tuan Guru Haji Abas pulang ke Tanah Melayu kerana menemani rakannya yang sakit tenat. Sekembalinya ke tanah air, beliau mendirikan rumahtangga dengan isteri pertama beliau yang berasal dari Bukit Puteri juga. Oleh kerana pengajiannya tergendala akibat perbelanjaan, beliau meminta jasa baik Datuk Seri Amar Diraja Terengganu agar memberi sedikit bantuan agar beliau dapat meneruskan cita-citanya terhadap ilmu.³⁶ Dengan berbekalkan bantuan dari Datuk Amar, beliau melanjutkan pengajiannya ke India iaitu Madrasah Jāmi'ah Dabhel Al Jamā'el Al Islām, Simlak, Gujerat pada akhir tahun 1932M.³⁷

Bersesuaian dengan minat beliau dalam aliran falsafah Islam, Tuan Guru terus menimba ilmu dari beberapa guru di sana antaranya Shabir Ahmad 'Usman, 'Abd al-Rahmān Al Bakri, Badrul 'Alam, 'Abd al-'Aziz, Sheikh Muhammad Idrīs, 'Abd al-Jabbār Muhammad Yahya dan 'Ubaidullah.³⁸

Sememangnya Tuan Guru Haji Abas merupakan seorang yang pintar. Beliau menamatkan pengajiannya di India dengan cemerlang sekali yang mana beliau telah memenangi hadiah dan berjaya memperolehi hadiah seratus rial, buku-buku dan serban hijau iaitu lambang mahkota madrasah tersebut.

³⁶ *Ibid*

³⁷ *Ibid* h. 81

³⁸ Guru-guru ini terdiri dari bekas guru besar yang berselisih faham dengan pihak pentadbir sekolah asal mereka. Ini berpunca daripada sikap pilih kasih pihak pentadbiran dalam urusan pengambilan pelajar yang mana pelajar yang diberi peluang belajar adalah dari kalangan saudara mara mereka sendiri. Hal ini tidak seiring dengan semangat dan azam oleh guru-guru ini. Lihat Mahmud Mamat (1975/76), "Sejarah Pendidikan Pondok dan Peranan Sosio-politikanya Dalam Masyarakat di Besut, Terengganu Dari Tahun 1900-1965" *Kajian Ilmiah*, Bangi: Universiti Malaya, h. 31.

Pada tahun 1934M, beliau telah kembali ke tanahair dan tinggal di Kuala Besut buat sementara. Bekerjasama dengan rakan rapat beliau, Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif yang juga baru pulang dari pengajiannya di Mekah, mereka telah bersetuju membuka pusat pendidikan agama di Pengkalang Ubi Keling, Kuala Besut. Pada masa yang sama, Tuan Guru Haji Abas mengajar di Bukit Puteri atas permintaan penduduk setempat. Disebabkan hal ini, beliau bercadang menyerahkan pondok di Pengkalang Ubi Keling kepada rakannya itu. Tetapi Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif tidak setuju dengan cadangan tersebut kerana beliau berpendapat tanah di sana kurang sesuai untuk proses pertanian bagi menyara hidup beliau dan keluarga serta penuntut pondok. Oleh kerana itu, cadangan untuk membuka pondok di Pengkalang Ubi Keling tidak berjaya.³⁹

Disebabkan hal ini, Tuan Guru Haji Abas membuat keputusan mengajar tetap di masjid di Bukit Puteri yang dibina bersama oleh penduduk setempat. Beliau membuka sekolah pondok di sana mengambil contoh apa yang dipelajari ketika di India dulu. Di samping itu juga Tuan Guru giat memberi penerangan tentang pondok beliau kepada masyarakat di dalam dan di luar daerah Besut. Berkat kegigihan beliau, ramailah penuntut yang ingin belajar datang ke Pondok Bukit Puteri. Ada yang datang dari Kelantan dan dari daerah sekitar Besut.⁴⁰

Pada awal pembukaan, penuntut yang datang belajar seramai seratus orang dan jumlah ini meningkat dari masa ke semasa sehinggalah pada tahun 1937 hingga

³⁹ Mahmud Mamat (1975/76), *Op.cit*, h.82

⁴⁰ *Ibid*

1939, pelajarannya melebihi enam ratus orang, yang datang dari pelusuk daerah dan negeri termasuklah Pahang, Pattani, Kedah, Melaka dan Indonesia.⁴¹

Kemajuan Pondok Bukit Puteri terhenti apabila Jepun menyerang Tanah Melayu ketika Tanah Melayu masih di bawah taklukan Inggeris. Dengan menyerang Gong Kedak, di mana Gong Kedak amat berhampiran dengan Bukit Puteri pada Februari 1941, menyebabkan kegiatan pembelajaran di Pondok Bukit Puteri terhenti. Ramai di kalangan pelajarannya pulang ke rumah masing-masing dan bagi penuntut yang jauh seperti Pattani dan Indonesia, mereka menumpang di rumah kawan mereka. Berpunca dari sinilah, kemerosotan pengajian pondok di Bukit Puteri terjadi. Tuan Guru Haji Abas telah ke Kelantan dan mengajar di Masjid Lorong Gajah Mati, Kota Bharu sepanjang penaklukan Jepun di Tanah Melayu.⁴²




Gambar A: Rumah kakitangan Pondok Tuan Guru Haji Abas, Bukit Puteri

⁴¹ *Ibid*


⁴² *Ibid* h.83



Gambar B: Kesan kebakaran Pondok Tuan Guru Haji Abas, Bukit Puteri



Gambar C: Pusara Tuan Guru Haji Abas di kawasan pondok Tuan Guru Haji
Abas di Bukit Puteri



Gambar D: Surau Pondok Tuan Guru Haji Abas di Bukit Puteri

vi. Pondok Haji Wan Abdul Latif di Jerteh

Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif dilahirkan di Kampung Pulau Salim, Besut pada tahun 1905M. Pada permulaannya beliau mendapat pendidikan asas dari Tuan Guru Haji Umar bin Haji Ahmad , di Kampung Raja Besut dan seterusnya beliau meneruskan pengajiannya dengan Tuan Guru Haji Muhamamd di Kuala Besut. Tuan Guru Haji Abas merupakan salah seorang rakan rapat beliau ketika menuntut di Pondok Kuala Besut. Walaupun kedua-dua sahabat ini rapat, tetapi kemahiran dan kegemaran dalam pelajaran mereka berbeza. Tuan Guru Haji Abas lebih meminati ilmu falsafah manakala Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif lebih meminati ilmu Fikah.⁴³

Sebelum menyambung pelajarannya di Mekah, Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif sempat menuntut ilmu agama dengan pembantu-pembantu ulama terkenal di Kelantan iaitu Tok Kenali seperti Tuan Haji Ali Sungai Pinang, Yaakub Lega dan Che Din, Dungun. Semasa menuntut di Mekah, Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif belajar di Masjid Al Haram Mekah dengan seorang guru yang terkenal iaitu Tuan Sheikh Said Al Yamani dalam bidang Tauhid dan Fikah. Antara teman seangkatan dengan beliau di Mekah ialah Tuan Haji Awang Limbong, Tuan Haji Wan Yusuf Machang, Kelantan, Haji Salleh Pedada dan Haji Mukhtar Ahmad dari Kelantan.⁴⁴

Pada sekitar zaman pengajian Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif di Mekah, arus perjuangan dalam politik Negara dan idea-idea pembaharuan dalam system pemerintahan memang giat diperbincangkan. Majalah yang menjurus kea rah

⁴³ *Ibid*, h.84

⁴⁴ *Ibid*

perjuangan seperti itu, Al Manar memang hebat mendapat sambutan bagi golongan beliau pada masa itu. Walau bagaimanapun, Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif hanya berminat mengetahui dan turut memperbincangkan isu-isu yang diketengahkan sahaja tanpa dipengaruhi oleh aliran pemikiran golongan tersebut.⁴⁵

Idea dan keazaman beliau hendak membuka institusi pengajian sendiri apabila sekembalinya ke tanah air, akhirnya terlaksana apabila pada tahun 1934, beliau kembali dan mula mencari tapak untuk pembinaan institusi ini. Pada mulanya beliau diajak berkongsi mengajar dengan Tuan Guru Haj Abas di Pengkalan Ubi Keling, Kuala Besut, tetapi ada sedikit masalah dari segi kesesuaian tanah yang kurang sesuai untuk pertanian bagi menyara hidup beliau dan juga terpaksa menghormati seorang diri di Kuala Besut sana. Akibat dari hal ini, beliau mengambil langkah pulang ke Pulau Salim dan mengajar di Masjid di Kampung Pulau Salim. Kebanyakan pelajar yang datang ke masjid itu dari golongan orang dewasa yang amat berminat mendalami ilmu agama.⁴⁶

Pada tahun 1935, Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif, membuat pengajaran di Kampung Pak Kiang, Keluang Besut apabila memikirkan penduduk di situ amat cetek dalam agama Islam. Kerana ada perasaan tanggungjawab inilah, beliau memutuskan untuk berpindah ke Kampung Pak Kiang dan menetap di sana. Walaupun ramai orang setempat menyenangi kedatangan beliau dalam pengajaran ilmu agama, tak kurang juga yang tidak menyenangnya. Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif mendapat sokongan padu dari penghulu kampung tersebut iaitu Penghulu Taib. Tetapi setelah

⁴⁵Temubual penulis artikel, Mahmud Mamat dengan Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Sila lihat Mahmud Mamat, T.T., "Pondok Di Besut: Satu Tinjauan Tentang Asal usul Kamunculannya", *op.cit.*, h.84.

⁴⁶ *Ibid*

Penghulu Taib meninggal dunia, harapan Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif untuk membuka pondok di Pak Kiang terhenti.⁴⁷ Harapan ini kembali cerah apabila beliau dapat membeli sebidang tanah seluas tujuh ekar di Kampung Mak Sara, Jerteh. Ini ditambahkan lagi kemajuan pendidikan Sekolah Melayu turut akan dibangunkan berdekatan dengan tanah beliau.

Dengan dimulakan pembinaan surau, tempat tersebut turut diseri dengan beberapa pondok yang didirikan oleh pelajar yang pernah menuntut dengan beliau di Pak Kiang, Kluang. Dengan kerjasama yang diberikan oleh penghulu kampung ketika itu, Penghulu Zainal Abidin, serta gotong royong dari masyarakat setempat, beberapa buah pondok didirikan bagi kemudahan penuntut-penuntut yang ingin belajar di sana. Walau bagaimanapun, usaha untuk mencari kewangan masih diusahakan oleh Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif bagi memastikan pondoknya sentiasa terjamin dan maju. Beliau berniaga menjual kain dan getah. Namun begitu, tanggungjawab mengajar tidak diabaikan.⁴⁸

Setelah kukuh dari segi kewangan, Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif sekali lagi bergabung tenaga dengan Tuan Guru Haji Abas memajukan pondok tersebut dan dengan hasil usaha murni ini, pada tahun 1939, pondok Jerteh tersebut diberi nama Madrasah Diniyyah Ittifakiah. Pusat pengajian ini terus berkembang dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari kawasan setempat mahupun dari luar daerah dan negeri Terengganu. Pada tahun 1941 ia mempunyai lebih daripada 300 orang dan lebih daripada 200 buah pondok. Walaupun pada masa itu, penaklukan Jepun ke atas Tanah Melayu, namun pondok ini terus bertahan dengan semangat yang ada pada

⁴⁷ *Ibid*, h.85

⁴⁸ *Ibid*

Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Setidak-tidaknya beliau terus mengajar di surau-surau dan masjid setempat. Kemerosotan pelajar dapat diatasi sedikit demi sedikit dan ekonomi pondok semakin pulih hasil dari sedekah dan kutipan zakat. Hinggalah pada tahun 1948, pusat pengajian ini kembali stabil sama ada dari segi pertambahan pelajarannya dan ekonominya. Sedari itu, pusat pengajian pondok ini kembali berfungsi seperti sedia kala.⁴⁹

Kejayaan Tuan Guru dalam memperkembang pengajian pondok ini, terhasil lagi apabila berupaya membuka sekolah bagi perempuan dinamakan Madrasah Rokiatulbanat yang terletak berhampiran dengan tempat tinggal Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif sendiri. Sekolah ini turut diajar oleh seorang guru perempuan pada mulanya, dan ditambah sedikit demi sedikit mengikut keperluan.⁵⁰

Pusat pengajian ini berkembang maju dari tahun ke setahun, hingga pada tahun 1957 ia telah diambil oleh Majlis Agama Negeri Terengganu dan ditukar nama kepada Sekolah Menengah Agama Ittifakiah.

Demikianlah senarai sekolah pondok yang lahir pada tarikh 1872 – 1937 yang dirasakan penulis antara sekolah yang berupaya melahirkan para pendidik sama ada persediaan dalam mengambil alih pondok ataupun melahirkan seseorang individu berjiwa pendidik. Apabila dikaji dengan teliti, penulis mendapati Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif adalah pondok yang paling ramai menyumbangkan para pendidik.

⁴⁹ Temubual penulis dengan Ustaz Wan Hassan Ahmad di Kampung Padang Luas, Jerleh, Terengganu pada 13 Mac 2000. Beliau merupakan bekas pelajar, dan pengajar di institusi berkenaan. Beliau merupakan anak saudara Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif.

⁵⁰ Mahmud Mamat (T.T), *Op.cit.*, h.88

4.2 PENDIDIKAN ISLAM DI BESUT PADA TAHUN 1872 – 1937

4.2.1. Konsep Pendidikan

Berpegang kepada manhaj yang terkandung di dalam al-Qur'an dan al-Hadith adalah menjadi asas dalam pendidikan Islam di zaman kajian penulis. Institusi terbabit memainkan peranan yang penting dalam menghidup dan memperkembangkan agama Islam dalam pendidikan Islam.⁵¹

Pendidikan Islam juga dilihat sebagai suatu ibadat yang tinggi martabatnya dalam kehidupan. Pentarbiyahan dari segi rohani dan jasmani turut dititikberatkan dalam masyarakat kajian penulis.

Hal ini jelas kelihatan pada awal penubuhan institusi pendidikan Islam di Besut adalah bertujuan memperkenalkan pendidikan Islam ala pondok di sana. Tuan Guru Haji Hassan al-Fatani telah mengajar kitab-kitab agama dan al-Qur'an di Surau Palembang dan Masjid Kampung Raja. Dalam usaha mendidik jiwa masyarakat agar dekat dengan ajaran Islam,⁵² Tuan Guru Haji Muhammad telah membina sebuah institusi pendidikan Islam di Kuala Besut. Pada ketika itu, masyarakat di sana lebih suka berhibur dengan permainan Mak Yong, Rambong Siam dan sebagainya.⁵³

⁵¹ Muhammad Abu Bakar (1991), *op.cit.*, h.67

⁵² *Ibid*

⁵³ Jenis hiburan tersebut, telah penulis jelaskan terdahulu. Masyarakat dahulu yang bekerja sebagai petani dan nelayan, amat suka berhibur setelah penat bekerja seharian. Ini membuatkan mereka leka dengan hiburan tanpa menyedari kurangnya ilmu pengetahuan. Lihat, Mahmud Mamat (t.t) h.78

Dari segi sejarainya, pendidikan Islam pondok di Besut turut terpengaruh dengan perkembangan institusi pondok yang berlaku di Kuala Terengganu yang mendapat sokongan padu dari pihak istana di zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin (1702-1726), Sultan Omar (1839-1876) dan Sultan Zainal Abidin III (1881-1919). Ketika peringkat tersebut lahirnya ramai individu-individu yang menimba ilmu di Mekah, Aceh dan Patani, pulang ke tanah air dan terus membuka institusi pondok di tempat mereka.⁵⁴

Antara yang termasyhur ialah Syeikh Abdul Malik bin Abdullah yang turut mengarang kitab atau menterjemahkan kitab-kitab dari bahasa Arab ke Bahasa Melayu dalam tulisan Jawi seperti *Kitāb Hikām* Melayu iaitu kitab aliran tasawwuf, *Kitāb Kifāyah* beraliran usuluddin dan fiqh, *Kitab Naql* dan *Kitab Kayfiyāt al-Niyyāt* dari aliran fiqh. Kitab Hikam Melayu merupakan kitab yang paling masyhur dan digunapakai dikebanyakan institusi pondok di Terengganu termasuk di Besut.

Antara lain yang turut mempengaruhi perkembangan institusi pendidikan Islam di Terengganu ialah kedatangan guru-guru yang terkenal di Patani turut datang ke Terengganu akibat tekanan serangan Siam ke atas negeri mereka. Kedatangan mereka seperti Syeikh Daud bin Abdullah al-Patani ke Terengganu turut menyumbang kepada pendidikan Islam di Terengganu. Cucu beliau iaitu Syeikh Nik Mat Ismail bin Daud al-Fatani yang dilahirkan di Pulau Duyong turut menghasilkan sebuah buku yang terkenal sehingga kini iaitu *Maṭla' al-Badrain*.

⁵⁴ Shafie Abu Bakar (1976/77), *Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah: Satu Corak Pengajian Tradisi di Terengganu dan Kitab-kitab Padanya*. Tesis Sarjana di IBKM: Universiti Kebangsaan Malaysia. II, 73-97

Melihat ada kesinambungan antara perkembangan institusi pondok di Terengganu dan di Besut iaitu pengajian pondok di Serengas oleh Haji Abdul Malik bin Isa (cicit Syekh Abdul Malik bin Abdullah) di pertengahan abad 19 dan institusi pondok Haji Hussein di Kampung Lampu di Besut.

Oleh yang demikian, konsep yang diamalkan dalam pendidikan Islam pada tahun kajian penulis keseluruhannya bersifat tarbiyah rohani dan rabbani, selari dengan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah.

4.1 Sumber-sumber Pendidikan

Dalam proses pembelajaran, tenaga pengajar atau tuan-tuan guru ataupun ustaz-ustaz menjadikan dua sumber asas sebagai sumber pendidikan dalam institusi berkenaan.

i. Al-Qur'ān

Al-Qur'ān dijadikan sukatan yang wajib dalam pendidikan Islam di tahun kajian penulis iaitu antara 1872 -1937. Semua institusi pendidikan Islam kajian penulis menggunakan al-Qur'ān sebagai sumber pendidikan.⁵⁵

Selain daripada mempelajari membaca al-Qur'ān, ia juga dijadikan asas dalam setiap matapelajaran yang diajar oleh pengajar. Contohnya, kitab-kitab yang digunakan seperti tafsir, 'aqidah, akhlak dan sebagainya, kesemuanya menjurus ke

⁵⁵ Ini jelas apabila dilihat asas permulaan dalam pendidikan Islam di Besut ialah dengan membaca al-Qur'an dengan betul dan mempelajari ilmu fardu 'ain seperti bersembahyang, puasa dan sebagainya. Hasil Temubual penulis dengan Ustaz Wan Hassan Ahmad, *op.cit.*. Lihat juga, Muhammad Abu Bakar (1991), *op.cit.*, h.70

arah mendapat keredhaan Allah s.w.t. Antara kitabnya, *tafsīr al-jalālain* (تفسير الجلالين).⁵⁶

ii. Al-Hadith

Selain daripada menjadikan al-Qur'an sebagai sumber utama, al-Hadith juga dijadikan sebagai sumber kedua dalam pendidikan Islam. Keseluruhan sukatan pelajaran yang diajar di institusi berkenaan berkait rapat juga dengan sumber al-Hadith seperti pelajaran *Muṣṭalah al-Ḥadīth*, pelajaran *Ḥadīth* itu sendiri. Antara kitabnya, *Fath al-Bārī, matan dan syarah, Matan al-Arba`in*.⁵⁷

Semua pelajaran yang diajar di indtitusi berkenaan bersumberkan al-Qur'an dan al-Hadith sejajar dengan usaha mereka dalam memperkembangkan lagi pendidikan Islam di Besut.

4.2.3 Kurikulum Dan Teks Dalam Pendidikan

Dalam mengkaji latar belakang asas pendidikan dalam institusi berkenaan, penulis dapat mengenalpastinya melalui sukatan dan teks yang digunakan oleh tenaga pengajar atau ustaz ketika itu.

Pada awal tahun kajian penulis iaitu tahun 1872, teks atau sukatan pelajaran tertentu tidak dapat dikenal pasti secara betul. Penulis dapat membuat kesimpulan berpandukan kepada fakta sejarah bahawa sejarah pendidikan Islam di Kuala

⁵⁶ Temubual dengan Ustaz Wan Hassan, *op.cit.*

⁵⁷ *Ibid*

Terengganu iaitu ketika era perkembangan pendidikan di Terengganu, institusi pendidikan yang diasaskan oleh Sheikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis) dipecahkan perlanjutannya kepada beberapa institusi pendidikan lain di sekitar Terengganu. Antaranya ialah Pondok Pengajian Tuan Guru Haji Hussein di Kampung Lampu, Besut.⁵⁸

Antara institusi yang terdekat penubuhannya dengan Pondok Pengajian Tuan Guru Haji Hussein ialah Pondok Serengas oleh Haji Abdul Malik bin Isa iaitu cicit Tok Pulau Manis.⁵⁹

Pengkelasan matapelajaran dilakukan di akhir-akhir tahun kajian penulis iaitu bermula tahun 1935M iaitu pada Pondok Tuan Guru Haji Abas bin Haji Muhammad di Bukit Puteri. Bermula dari itu, institusi pendidikan Islam mempunyai suatu sistem yang lebih teratur dari segi pembelajaran.

Penulis tidak dapat mengesan dan mencari sama ada sukatan matapelajaran tertentu turut dipakai oleh institusi sebelum tahun 1935M. Penulis hanya dapat mengenalpasti sukatan pelajaran tertentu dilakukan pada tahun tersebut dan tahun-tahun selepasnya.

Sukatan-sukatan pelajaran yang diajar di institusi-institusi berkenaan sama ada pada awal penubuhan institusi iaitu pada tahun 1872 hingga 1937 tiada perbezaan

⁵⁸ Shafie bin Abu Bakar (1989), "Perkembangan Keilmuan dan Kesedaran Keislaman Di Terengganu", *PESAKA V*, Terengganu: Lembaga Muzium Negeri, h.14

⁵⁹ Shafie bin Abu Bakar (1984), "Shaykh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya" *PESAKA II*, Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, h. 70

yang ketara. Perbezaan yang dapat dikenal pasti hanyalah pada penggunaan teks sahaja.

Antaran sukatan pelajarannya ialah, Tafsīr, Fiqh, Tauḥīd, Ḥadīth, Uṣūl al-Dīn, Balāghah, Muṣṭalah al-Ḥadīth, Mantiq, Lughah, Nahū, dan Ṣaraf.⁶⁰

Setiap sukatan metapelajaran tersebut berpandu kepada teks-teks yang dipilih oleh tenaga pengajar di institusi berkenaan. Kebiasaannya setiap guru akan menggunakan kitab yang dipelajarinya terdahulu. Oleh kerana kebanyakan tenaga pengajar menuntut ilmu di luar Tanah Melayu iaitu di Mekah dan India.⁶¹ Matapelajaran yang diajar di institusi terbabit adalah berasaskan ilmu Islam seperti Fiqh, Tauḥīd, Tafsīr Al-Qurʾān, Tafsīr Al-Ḥadīth, Uṣūl al-Dīn, Balāghah, Muṣṭolah al-Ḥadīth, Manṭiq, Lughah, Nahū dan Ṣaraf.⁶²

Antara buku-buku yang diguna oleh ustaz ialah buku-buku karangan tokoh-tokoh Islam terdahulu dan terkenal iaitu Antara kitab yang digunakan, bagi matapelajaran Tafsīr, *Tafsīr al-Jalālain* (تفسير الجلالين) karangan Jalāluddīn Muḥammad bin Ahmad Al-Maḥallī dan Jalāluddīn `Abdul Rahmān bin Abī Bakr Al-Sayūṭī, kitab *Maṭla` al-Badrain* karangan Muḥammad bin Ismā`īl Daud Faṭānī.⁶³ Untuk matapelajaran Fiqh, *Safīnah al-Najā* (سفينة النجا), *Faṭḥ al-Qarīb* (فتح القريب), *Tahrir* (

⁶⁰ Temubual penulis dengan Ustaz Wan Hassan Ahmad, pada Sabtu 27 Januari 2001 di rumah beliau di Kampung Padang Luas, Jerreh. Sukatan pelajaran ini juga diajar di Pondok Sheikh Abdul Malik di Sungai Rengas. Oleh kerana penulis mendapati Pondok Tuan Guru Haji Hussein mempunyai kesinambungan dari pondok berkenaan dan ia merupakan lanjutan dari pondok Sungai Rengas, maka penulis berpendapat sukatan tersebut juga diajar di Pondok Tuan Guru Haji Hussein. Lihat juga Shafie Abu Bakar (1975/76), Institusi Shaykh Abdul Malik, *op.cit.* h.66.

⁶¹ Antara pengajar yang berpendidikan Mekah dan India ialah Tuan Guru Haji Abas dan Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Sila lihat, Mahmud Mamat (t.t), *Pondok Di Besut: Satu Tinjauan Tentang Asal usul Kemunculannya*, T.T.P h.82

⁶² Temubual penulis dengan Ustaz Wan Hassan Ahmad, *op.cit.*

⁶³ *Ibid*

Matan Al-Arba`in (متن الأربعين), *Fathu al-Bārī* (فتح الباری), dan beberapa kitab lain lagi. Bagi matapelajaran Nahu, kitab yang biasa digunakan ialah *Matan Jumiyah* (متن جمیة), *Mukhtaṣar Jiddan* (مختصر جدا), 'Isymawī (عشماوی), Alfiyah (الفیة), Ibnu 'Aqil (ابن العقيل).⁶⁴ Kebiasaannya kitab-kitab ini dipilih oleh tuan guru atau ustaz berpandukan kitab yang mereka pelajarnya semasa mereka menuntut ilmu dahulu. Kebiasaannya berasal dari Mekah dan India.⁶⁵

4.2.4 Asas-Asas Dalam Pendidikan

Jika dikaji berpandukan kepada kurikulum dan teks yang digunakan, maka asas-asas pendidikan Islam yang menjadi asas dalam institusi berkenaan ialah asas akidah, asas ibadat, perundangan Islam dan asas akhlak.

i. Asas Akidah

Asas akidah merupakan menjadi pegangan yang teguh dalam institusi kajian penulis. Ini dapat dilihat dengan menjadikan matapelajaran akidah sebagai salah satu matapelajaran wajib yang diajar di institusi berkenaan.⁶⁶

⁶⁴ *Ibid*

⁶⁵ Untuk institusi-institusi Pondok Tuan Guru Haji Hassan, Tuan Guru Haji Hussein, Tuan Guru Haji Muhammad dan Tuan Guru Haji Umar, penulis tidak mendapat fakta khusus dalam teks-teks yang diajar di institusi mereka. Oleh kerana institusi berkenaan adalah merupakan lanjutan dari institusi Sheikh Abdul Malik bin Isa, maka kemungkinan besar teks yang digunakan seperti di Lampiran B

⁶⁶ Antara teks yang digunakan bagi sukatan 'aqidah ialah Ahmad Ibn Abd al-Fattah al-Millawi al-Mahri, *Hashiyat 'ala Syarh al 'Allamat al-Qayrawani Li al-'Aqidat al-Musammāt bi Umm al-Barahim*, .

Semua guru yang mengajar di institusi berkenaan menjadikan al-Qur'an dan tafsirnya sebagai asas dalam pengajian mereka. Oleh yang demikian, asas akidah yang terkandung dalam al-Qur'an, turut diajar dan secara tidak langsung diserap dalam kehidupan masyarakat setempat.

ii. Asas Ibadat

Ibadat menjadi teras dalam kehidupan kita seharian. Dalam matapelajaran Fiqh yang diajar di institusi berkenaan, masyarakat setempat didedahkan dengan cara dan hukum ibadat yang lebih jelas lagi.

Ini ditambah lagi, masyarakat Melayu pada zaman tersebut amat mementingkan cara yang betul beribadat kepada Allah s.w.t.⁶⁷ Kepercayaan yang mengatakan bahawa memperbaiki sebaik mungkin ibadat sembahyang, puasa dan sebagainya menjadikan seseorang individu terhindar daripada melakukan perkara maksiat.

iii. Perundangan Islam

Secara khususnya, asas ini tidak dipenuhi sepenuhnya memandangkan masyarakat setempat pada tahun kajian penulis lebih menitikberatkan hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan mereka seharian iaitu, akidah yang betul, ibadat yang terbaik dan berakhlak terpuji.

⁶⁷ Temubual dengan Ustaz Wan Hassan, *op.cit*.

Namun begitu, asas ini turut dijadikan teras apabila ustaz berkenaan berhubung rapat dengan pemerintah pada ketika itu. Contohnya, Tuan Guru Haji Hussein dan anaknya Tuan Guru Haji Muhammad rapat dengan Tengku Muda dan Tengku Wok yang menjadi Raja Besut ketika itu. Keakraban ini menjadikan Tuan Guru Haji Muhammad turut diundang ketika mesyuarat dalam membincangkan hal-hal pentadbiran.⁶⁸ Idea dan pendapat terutama yang bersangkutan dengan hukum pentadbiran amat diperlukan Tengku Wok yang menjadi pemerintah Besut pada waktu itu.

iv. Asas Akhlak

Akhlahk turut menjadi salah satu asas yang penting dalam pendidikan Islam di tahun kajian. Rasa hormat dan memandang tinggi kepada individu yang berakhlak mulia tanpa mengira usia, menjadikan Tuan Guru Haji Umar disegani oleh murid-murid dan rakan-rakannya. Ketika usia tiga puluh tahun, beliau telah pun membuka pondok dan mengajar di situ.⁶⁹

Antara contoh lain yang menunjukkan pendidikan pada tahun kajian mementingkan asas akhlak ialah penghargaan akan diberi kepada pelajar yang paling berakhlak.⁷⁰

⁶⁸ Muhammad Abu Bakar (1991), *op.cit.*, h. 86

⁶⁹ Muhammad Abu Bakar (1991), *op.cit.*, h.70

⁷⁰ Pelajar yang baik dari segi kehadirannya ke kelas, hormat dengan arahan guru dan tidak melanggar disiplin yang telah ditetapkan merupakan murid yang berakhlak. Penghargaan dan hadiah turut diberikan kepada pelajar yang cemerlang dalam pelajaran, kehadiran, ko-kurikulum seperti pertanian, pertukangan dan sebagainya. Majlis penyampaian ini dipanggil Ihtifal tahunan. Temubual penulis dengan Ustaz Wan Hassan pada 13 Mac 2000 di Kampung Padang Luas, Jerneh. Beliau merupakan salah seorang bekas penuntut dan turut mengajar di Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif, Jerneh.

4.2.5 Sistem Dan Corak Pendidikan

Dari segi sistem pendidikan yang digunakan oleh institusi-institusi berkenaan, ialah tidak menghadkan umur yang ingin datang belajar di pondok berkenaan. Sesiapa yang berminat tidak mengira usia dan jantina boleh menghadirkan diri di masjid-masjid, surau-surau ataupun di pondok itu sendiri.

Pada awal tahun kajian penulis kebiasaannya, warga tua lelaki dan wanita yang berminat mendapatkan ilmu di masjid-masjid atau surau-surau yang mana kuliah ilmu yang disampaikan oleh Tuan Guru atau ustaz itu diadakan. Manakala di pondok-pondok pula, golongan belia lelaki dan segelintir wanita yang belajar di situ.⁷¹

Pada awal penubuhan institusi pondok ini, sistem pendidikan tidak berapa tersusun. Guru atau ustaz menggunakan kitab-kitab agama sama ada kitab mengenai fiqh, tafsir, hadith atau sebagainya. Syarahan akan diperdengarkan beserta ulasan dan huraian. Namun ianya bersistem sedikit demi sedikit mengikut arus masa.

Pada awal penubuhan pondok, tiada sistem kelas atau darjah digunakan. Sistem kelas mula diperkenalkan oleh Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif, Jerreh.⁷² Rutin harian bermula pada jam 8.00 pagi dengan jadualnya tersendiri

⁷¹Muhammad Abu Bakar (1991), *Op.cit.*, h.65

⁷² Hasil temuramah penulis dengan Ustaz Wan Hassan Ahmad *op.cit.*, Beliau merupakan salah seorang bekas pelajar dan pengajar di institusi pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif.

mengikut matapelajaran dan kitab tertentu. Kelas dikategorikan kepada beberapa peringkat, bermula peringkat nut (نوة) atau 0, kemudian darjah 1, 2, 3, 4 dan 5.⁷³

Tiada yuran yang dikenakan dalam mempelajari ilmu di institusi berkenaan. Ini kerana penuntut yang datang belajar di institusi berkenaan dari kalangan golongan petani, penoreh dan nelayan. Penuntut datang belajar ke institusi tersebut atas inisiatif sendiri untuk mendapat ilmu, dorongan ibubapa dan penuntut dari pondok jajahan atau pondok berdekatan.

Pada awal tahun kajian, sistem peperiksaan belum diperkenalkan lagi. Ketika itu, guru lebih banyak memberi pengajaran dalam bentuk syarahan. Sistem peperiksaan diperkenalkan juga bermula di pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif.

Sistem peperiksaan ini diadakan tiga kali setahun yang mana peperiksaan pertama dan kedua merupakan tempoh ujian, manakala peperiksaan yang ketiga merupakan peperiksaan besar. Peperiksaan ini menentukan pelajar layak menaiki kelas atau peringkat seterusnya atau tidak.⁷⁴

Setelah tamat pengajian di institusi berkenaan, pelajar digalakkan menyambung pelajarannya ke tempat yang lebih tinggi. Terdapat pelajar contohnya pelajar di Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif melanjutkan pelajarannya di dalam negeri seperti di Maahad Muhammadi di Kelantan, Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan di Sekolah Menengah Agama Masyhur, Pulau Pinang.

⁷³ *Ibid*

⁷⁴ Temubual dengan Ustaz Wan Hassan, *op.cit.*

Manakala ada juga pelajar yang melanjutkan pelajarannya ke luar negeri seperti India, Mekah dan Mesir.⁷⁵

Ramai daripada bekas penuntut di Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif menjawat jawatan sebagai guru pelawat di bawah Pejabat Daerah Kerajaan Terengganu, menjadi kaifi, dan guru-guru di sekolah-sekolah kebangsaan.⁷⁶ Kebanyakan institusi pendidikan Islam pada tahun tersebut, mengambil tenaga pengajar terdiri dari bekas murid di institusi berkenaan atau hasil didikan dari sesebuah institusi pendidikan lain dan membuka institusi pondok sendiri. Situasi ini kita dapati semenjak awal penubuhan lagi yang mana Tuan Guru Haji Hussein merupakan anak murid Tuan Guru Haji Hassan dan beliau membuka institusi pondoknya sendiri di Kampung Lampu. Selain itu, sistem waris dalam mengajar di institusi berkenaan juga diamalkan seperti Tuan Guru Haji Hussein mengamanahkan pondoknya kepada salah seorang anaknya iaitu Tuan Guru Haji Muhammad agar menyambung usahanya itu.⁷⁷

Dari segi tahap pendidikan, kebanyakan tenaga pengajar di institusi berkenaan mendapat asas pendidikan di pondok-pondok di dalam negeri terlebih dahulu. Kemudian mereka melanjutkan pelajarannya ke luar negara seperti Mekah, India, Mesir bagi mendalami lagi ilmu-ilmu agama. Contohnya Tuan Guru Haji Abas menuntut di India, Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif menuntut di Mekah dan India, Tuan Guru

⁷⁵ *Ibid*

⁷⁶ *Ibid*

⁷⁷ Muhammad Abu Bakar (1991), *op.cit.*, h. 79

Haji Muhammad sendiri pernah dibawa oleh ayahnya ke Mekah untuk mendalami ilmu agama lagi.⁷⁸

4.2.6 Metode Pendidikan

Dasar yang diamalkan di institusi terbabit juga, tidak mengamalkan metode yang khusus dalam pengajaran. Semua kaedah pengajaran yang bersesuaian boleh digunakan mengikut keadaan-keadaan tertentu.

Pembacaan Al-Qur'an adalah diutamakan dalam dasar pendidikan dalam institusi-institusi terbabit. Penekanan dalam membaca dan memahami Al-Qur'an adalah asas penting dalam dasar pendidikan Islam.

Oleh kerana masyarakat setempat belum ada latar belakang pendidikan, asas-asas dalam pembacaan al-Qur'an dan pengajaran ibadat ditekankan pada awal tahun kajian penulis. Disebabkan kesedaran pengasas pondok dan juga meningkatnya kesedaran masyarakat tentang pentingnya ilmu agama, maka pengajian asas seperti membaca al-Qur'an dengan betul dan bertajwid serta ibadat-ibadat asas diajar di institusi-institusi berkenaan.⁷⁹

Oleh yang demikian, **kaedah syarahan** merupakan metod yang utama dalam menyampaikan pengajaran terutama di sekitar tahun 1905M hingga 1941M. Guru akan

⁷⁸ Mahmud Mamat (t.t), *op.cit.*, h.80

⁷⁹ Temubual dengan Ustaz Wan Hassan Ahmad, *op.cit.*

menyampaikan syarahan pengajaran ketika sesi pembelajaran. Huraian mengenai sesuatu perkara terutama dalam matapelajaran tafsir al-Qur'an dan al-Hadith. Kaedah ini juga disampaikan ketika diadakan sesi ceramah atau khutbah.⁸⁰

Kaedah halaqah turut dilakukan terutama dalam mempelajari cara bacaan al-Qur'an dengan betul. Murid-murid akan mengelilingi guru dan memperdengarkan bacaan mereka satu persatu untuk diperbetulkan.⁸¹ Murid akan membaca secara bergilir-gilir dan sama-sama memperbetulkan bacaan mereka.

Metode dialog dan soal jawab turut digunapakai dalam institusi kajian penulis. Ini dijelaskan pada proses pembelajaran Tuan Guru Haji Muhammad dan Tuan Guru Haji Umar bahawa pihak istana pernah menjemput beliau ke istana (Raja Besut) untuk diadakan majlis pengajaran dan perbincangan.⁸² Metode ini juga pernah dipraktikkan di Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif dalam menjalankan ujian lisan kepada pelajar.

Selain itu, **metode hafalan** turut dijadikan cara pembelajaran yang utama di institusi berkenaan. Pelajar dikehendaki menghafal ayat-ayat al-Qur'an, al-Hadith tertentu dan juga kitab-kitab yang menjadi sukatan pelajaran mereka. Ini bagi memudahkan pelajar itu mengingatnya. Ketika ujian dijalankan, pelajar dikehendaki membaca apa yang dihafalnya di depan guru bagi mengesahkan bacaan mereka.⁸³

⁸⁰ *Ibid*

⁸¹ Muhammad Abu Bakar (1991), *op.cit.*, h.71

⁸² *Ibid*, h.73

⁸³ Temubual penulis dengan Ustaz Wan Hassan *op.cit.*,..

Selain menguasai ilmu tersebut, pelajar terpaksa juga menghafai kalimat-kalimat yang ada di dalam kitab tersebut. Contohnya dalam matapelajaran nahu. Kitab yang biasa digunakan ialah *Matan al-Jumiyah*. Pelajar juga dikehendaki memperdengarkan isi kita tersebut kepada guru mereka.⁸⁴

Metode cerita turut diguna dalam usaha menarik minat pelajar ke arah pembelajaran yang berkesan. Menjadikan Sirah satu sukatan pelajaran, yang mengandungi perjalanan hidup Rasulullah s.a.w, menjadikan metode cerita turut dipraktikkan.

Selain daipada itu, **metode penggunaan alat tulis** juga dilakukan. Pada akhir tahun kajian penulis, institusi pendidikan pada masa itu menampakkan peningkatan dalam segi metod pengajaran. Penggunaan papan hitam dan papan tulis (dipanggil papan *luh*)⁸⁵ digunakan bertujuan memudahkan lagi proses pembelajaran dan pengajaran. Guru akan menggunakan papan hitam ketika pengajaran, manakala murid menulisnya di atas papan *luh* untuk difahami dan dihafal. Namun begitu, ada juga kaedah menggunakan dakwat yang dihasilkan sendiri bagi tujuan penulisan. Kemudian proses ini berkembang hinggalah wujudnya buku latihan dan pensil untuk menulis.

Metode pengajaran secara **demonstrasi** juga diamalkan di institusi berkenaan. Guru akan menunjukkan dengan cara praktikal sesuatu pelajaran tertentu. Contohnya

⁸⁴ *Ibid*

⁸⁵ Papan *luh* adalah sekeping papan yang ditulis di atasnya dengan kapur atau arang. Setelah ditulis di atasnya, pelajar dikehendaki menghafalnya sehingga ingat. Setelah mengingati pelajaran tersebut, pelajar tadi memadamnya dengan kain, dan ditulis pelajaran baru pula.

cara bersembahyang dengan betul. Guru akan turut menggayakan dan menunjukkan cara sembahyang dalam Islam. Ini menjadikan pelajar mudah memahaminya, bukan setakat belajar teori sahaja, malah mempraktiknya dengan melihat sendiri cara pengibadatan yang betul.⁸⁶

Metode yang seterusnya ialah **metode ujian**. Metode ini diperkenalkan pada akhir tahun kajian. Pada setiap akhir tahun pengajian, pelajar dikenakan menjalani ujian bertulis dan lisan dalam usaha menguji tahap kemajuan mereka. Sesiapa yang melepasi ujian tersebut, maka pelajar tersebut berhak menaiki darjah ke tahap seterusnya. Bagi yang gagal, mereka akan terus berada di tahap yang sedia ada.

⁸⁶ Temubual penulis dengan Ustaz Wan Hassan *op.cit.*.

4.3 PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM BESUT PADA TAHUN 1872 - 1937

Institusi-institusi pendidikan Islam di Besut pada tahun 1872-1937, memainkan peranan yang tidak langsung dalam usaha melahirkan para pendidik. Penulis dapati tiada suatu metode latihan khusus yang dipraktikkan oleh institusi berkenaan dalam usaha membekal generasi pendidik. Tumpuan dan matlamat utama institusi-institusi pendidikan Islam di Besut kebanyakannya memberi penumpuan kepada menyebarkan ilmu Islam sama ada kepada masyarakat setempat, pelajar yang datang menuntut di pondok-pondok atau sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, latihan yang diberi secara tidak langsung seperti (sebagaimana penulis dapat simpulkan setelah meneliti sumber-sumber) melalui teks atau buku-buku, sistem pembelajaran dan asas pendidikan dapat memberi manfaat yang banyak kepada pelajar sebagai persediaan menjadi seorang pendidik.

Institusi-institusi pendidikan Islam di Besut pada tahun 1872-1937 berupaya secara tidak langsung menjadi landasan pertama di dalam memahami dan menguasai ilmu Islam sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam usaha mengenalpasti institusi-institusi kajian penulis menepati dengan garis sebenar peranan asas institusi pendidikan Islam yang diperkenalkan oleh Rasulullah, para sahabat dan zaman selepasnya, penulis mendapati ada persamaan dan perbezaannya.

Secara amnya, institusi pendidikan Islam di Besut atau lebih dikenali sebagai pondok, lebih mirip dan mempunyai banyak persamaan dengan institusi *Kuttab*. Ini jelas terbukti apabila di pondok, penuntut diajar al-Qur'an terlebih dahulu di samping matapelajaran asas fardhu ain yang lain.

Dari segi sumber pendidikan, kedua-dua period institusi pendidikan Islam tersebut bersumberkan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai sumber utama. Dengan berpegang kepada kedua-dua sumber ini, tujuan dan prinsip dalam pendidikan tidak akan terkeluar dari garis panduan yang ditetapkan dalam kedua-dua sumber tersebut.

Manakala asas-asas dalam pendidikan Islam, institusi-institusi kajian penulis masih menekankan empat asas yang utama seperti asas akidah, asas ibadat, asas perundangan Islam dan asas akhlak. Penekanan yang agak kurang dilihat dalam asas perundangan Islam ketika period kajian penulis. Ini kerana tahap pemikiran dan kedudukan masyarakat yang menjadi murid pada masa itu berada di tahap orang awam yang rendah. Kebanyakan mereka hanya didedahkan dengan prinsip-prinsip asas dalam agama Islam seperti cara ibadat yang betul, akidah yang benar serta akhlak yang baik. Adapun dalam hal yang melibatkan perundangan Islam seperti mentadbir kawasan, ekonomi, politik masih di tahap rendah. Hanya segelintir sahaja iaitu pembesar kawasan seperti Raja Wok (Raja Besut) yang menjadikan Tuan Guru Haji Muhammad sebagai penasihat di dalam pentadbirannya.

Dalam konteks pembelajaran pula, metod yang digunakan sama dengan apa yang diamalkan oleh period terdahulu iaitu pendidikan Islam yang sebenar. Metod

syarahan, soal jawab, perbincangan, lukisan atau alat tulis, dan cerita dipraktikkan juga oleh institusi pendidikan Islam pada tahun-tahun kajian penulis.

Dari segi kurikulum dan sukatan pelajaran, terdapat sedikit perbezaan. Dalam pendidikan Islam di institusi-institusi kajian penulis, pihak guru menggunakan teks-teks tertentu terutama teks yang diguna atau dipelajarinya ketika menuntut ilmu. Pada awal penubuhan, perkembangan institusi pendidikan Islam tidak berapa berkembang apabila sesebuah institusi tidak bertahan lama. Ini disebabkan ketiadaan pelapis guru untuk menerajui pondok tersebut.

Sepanjang kajian penulis, hanya satu sahaja asas institusi yang terus kekal hingga sekarang iaitu Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Ini kerana ada kesinambungan tenaga pengajar dan penuntutnya. Seterusnya institusi berkenaan diserahkan kepada kerajaan negeri Terengganu dan ditukar kepada Madrasah Ittifakiah. Kemudian ditukarkan pula kepada Sekolah Menengah Agama Ittifakiah.

Ciri-ciri pendidikan Islam turut kelihatan pada asas permulaan pendidikan Islam. Keseluruhan institusi pendidikan Islam pada tahun kajian penulis, memulakan pembinaan institusi pengajian dengan membina masjid atau surau. Apabila pendidikan tersebut mendapat sambutan, pondok-pondok kecil dibina sekeliling masjid atau surau bagi memudahkan lagi pelajar menuntut ilmu. Oleh kerana itulah, institusi pendidikan Islam pada period itu lebih dikenali sebagai 'pondok'.

Hasil kajian yang dianalisa, penulis mendapati pada awal penubuhan institusi pendidik Islam, iaitu bermula dari Pondok Tuan Guru Haji Hassan al-Fatani hingga

Pondok Tuan Guru Haji Muhammad bin Hussein di Kuala Besut, peranan institusi pendidikan Islam kurang berjaya dalam melahirkan generasi pendidik.

Penulis menyatakan sedemikian kerana institusi berkenaan tidak dapat bertahan lama disebabkan tiada generasi pendidik pelapis yang meneruskan institusi berkenaan. Institusi berkenaan hanya dapat bertahan hanya beberapa tahun sahaja. Kebiasaannya usaha meneruskan pembelajaran di institusi berkenaan diwariskan kepada anak tuan guru tersebut. Langkah ini dilakukan oleh Tuan Guru Haji Hussein dengan mengamanah Pondok Kampung Lampu yang diasasnya kepada anak beliau iaitu Tuan Guru Haji Muhammad. Selepas Tuan Guru Haji Muhammad meninggal dunia, pengajaran di institusi berkenaan semakin berkurangan akibat perpindahan pelajar ke institusi lain. Oleh yang demikian, institusi berkenaan terus terhenti.

Peranan institusi pendidikan Islam menampakkan keberkesanannya pada tahun akhir kajian iaitu pada tahun 1937. Pondok yang diasaskan oleh Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif Wan Abdul Kadir di Jerreh berupaya memainkan peranannya dalam melahirkan generasi pendidik. Mempunyai sistem pembelajaran yang lebih sistematik, tahap kesedaran masyarakat tentang pentingnya pelajaran dan juga usaha dari pengasas dalam menarik minat masyarakat menuntut ilmu, menjadikan institusi tersebut berupaya melahirkan individu yang cintakan ilmu dan seterusnya turut menyumbang tenaga dalam dunia pendidikan.

Oleh sebab itu, penulis merasakan peranan pendidikan Islam pada tahun 1872-1937 dalam melahirkan para pendidik mempunyai kelebihan dan kekurangan. Antara yang dikenalpasti penulis menunjukkan bahawa institusi pendidikan Islam pada tahun

tersebut berupaya melahirkan para pendidik melalui latihan-latihan secara tidak langsung ialah:

- i. Pendidikan bercorak bahas dan naql iaitu menghuraikan apa yang terkandung dalam sesuatu pelajaran dan mengadakan sesi pembelajaran secara berhadapan antara guru dan murid, iaitu murid menerima secara langsung ajaran guru membolehkan pelajar dapat mendalami dan memahami isi pelajaran tersebut. Dengan corak bahas ini, murid turut mengambil bahagian ketika bertanya permasalahan secara langsung kepada guru mereka.

Corak ini telah diamalkan sejak institusi Pondok Tuan Guru Haji Hussein lagi. Kaedah ini juga diamalkan di Pondok Tuan Guru Haji Umar di Kampung Raja, Pondok Tuan Guru Haji Abas dan Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif.

Sebagai contoh, ketika di Pondok Tuan Guru Haji Umar, salah seorang muridnya iaitu Haji Abas sering bersoal jawab dan saling bertukar pendapat dengan pengajar dan rakan-rakannya. Walaupun sikap ini tidak digemari oleh sebilangan rakan Haji Abas, namun terbukti corak bahas dan naql dipraktikkan di institusi berkenaan.

- ii. Institusi pendidikan Islam pada tahun 1872-1937 berperanan melahirkan generasi pelapis pendidik bagi menyambung tugas pengajaran dan kesinambungan institusi pondok berkenaan.

Di samping memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat setempat, pelajar-pelajar yang datang dari beberapa negeri sekitar, tuan guru atau pengasas pondok tersebut memilih individu tertentu untuk diberi tumpuan lebih sama ada dari segi pengajaran, urusan pentadbiran dan sebagainya. Tumpuan ini bertujuan memastikan ada pelapis atau tenaga pengajar lain yang akan menggantikan mengurus institusi pondok apabila ketiadaannya nanti.

Sebagai contoh, Tuan Guru Haji Hussein telah memberi penumpuan khusus kepada tiga orang anaknya iaitu Haji Muhammad, Haji Abdullah dan Haji Abdul Kadir. Di samping membekalkan merekailmu-ilmu pengetahuan, beliau juga menghantar anak-anaknya ke Mekah untuk mendalami lagi ilmu agama. Beliau juga melatih anak-anaknya mengajar di pondok beliau sebagai latihan seorang pendidik. Hasilnya, institusi beliau telah diambil alih anaknya Haji Muhammad dan Haji Abdullah selepas kematiannya.

- iii. Institusi pendidikan Islam pada tahun 1872-1937 berperanan menjadi institusi pendidikan awal atau asas sebelum pelajarinya melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi atau ke tempat lain seperti Mekah dan India.

Peranan ini boleh dikatakan bahawa institusi pendidikan Islam pada tahun tersebut berupaya menjadi sebagai hentian pertama sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini dapat

dibuktikan melalui pendedahan awal dengan penggunaan buku-buku pengajaran atau teks ketika mengajar. Buku-buku seperti *Sīr al-Sālikīn*, *Maṭla' al-Badrain*, *Sabīl al-Muḥtadī*, *Munyat al-Mursalīn*, *Furū' al-Maṣallī*, *Tafsīr Jalal al-lain*, Kitab Hikam dan sebagainya berupaya dijadikan bekal untuk dibawa ketika belajar di Mekah.

Sebagai contoh, Tuan Guru Haji Hussein berupaya menghantar anak beliau ke Mekah, Tuan Guru Haji Umar berpeluang menuntut ilmu di Mekah setelah mendapat didikan awal di Pondok Tuan Guru Haji Muhammad di Kuala Besut. Bagi Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif, Tuan Guru Haji Abas turut mendapat didikan asas di Pondok Tuan Guru Haji Umar di Kampung Raja sebelum melanjutkan pelajarannya ke tempat seterusnya. Tuan Guru Haji Abdul Latif pengasas Pondok Alor Keladi turut mendapat asas di Pondok Tuan Guru Haji Abas terlebih dahulu pada tahun 1938-1941.

Walaupun institusi pendidikan Islam dilihat berperanan melahirkan para pendidik, penulis mendapati institusi berkenaan masih belum mampu sepenuhnya terutama dalam membekal pendidik yang istiqomah atau cekal dalam dunia pendidikan. Penulis mendapati institusi pendidikan Islam pada tahun 1872-1937 lebih menumpukan taraf pendidikan Islam dan kesedaran Islam masyarakat setempat dan memberi kefahaman yang baik kepada pelajar dalam pendidikan Islam. Perkara ini dapat diteliti apabila dilihat tiada latihan khusus dalam mendidik pelajarannya agar menjadi seorang pendidik. Kebanyakannya hasrat untuk dilahirkan sebagai pendidik datangnya dari individu pelajar itu sendiri.

Di bawah, disertakan carta latar belakang bilangan pelajar dan beberapa tokoh pendidik yang mendapat didikan awal di institusi pendidikan Islam di Besut pada tahun 1872-1937.

INSTITUSI	BIL.PELAJAR	CATATAN	PENDIDIK YANG LAHIR
Pondok Gong Surau, Tuan Guru Hj. Hassan	Tidak dapat dikenali pasti, Cuma pengajaran untuk masyarakat setempat		Tuan Guru Haji Hussein
Pondok Kampung Lampu, Tuan Guru Haji Hussein	100 orang, silih berganti	Menggunakan sistem bahas dalam pengajaran, bertahan selama 7 tahun	Haji Muhammad, Haji Abdullah, Haji Abdul Kadir, Haji Awang, Haji Umar.
Pondok Kuala Besut, Tuan Guru Haji Muhammad	150 orang dan masyarakat setempat	Menggunakan sistem bahas, penuntut berkurangan sekitar 1930an	Haji Umar, Haji Wan Abdul Latif, Haji Abas
Pondok Kg Raja Tuan Guru Haji Umar	150 orang	Menggunakan sistem bahas dan naql, penuntut berkurangan sekitar tahun 1941 apabila berlaku kebakaran dan beliau sendiri meninggal dunia.	Haji Wan Abdul Latif, Haji Abdul Latif
Pondok Tuan Guru Haji Abas	Bermula dengan 100 kemudian meningkat kepada 600 orang	Merosot setelah kedatangan Jepun ke Tanah Melayu	Haji Abdul Latif
Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif	Lebih 300 orang	1957 diambil alih oleh kerajaan Negeri Terengganu	Haji Nik Abd.Aziz, Hj. Abdul Halim, Hj. Wan Hassan, Haji Wan Yusof, Hj. Yusof, Hj. Wan Ahmad, Haji Muhammad Omar, Hj. Mohd. Zin, Hj. Abas Said

Kesimpulannya, pada awal penubuhan institusi pendidikan Islam di Besut, institusi berkenaan belum dapat memenuhi sepenuhnya peranan pendidikan Islam dalam melahirkan generasi pendidik. Ini kerana, tahap kesedaran akan cintakan ilmu dan pentingnya pelajaran agama masih rendah di kalangan masyarakat.

Penulis mendapati tiada latihan yang khusus dan secara langsung di institusi kajian penulis dalam usaha melahirkan para pendidik. Hanya terdapat beberapa aktiviti seperti pertandingan syarahan dan peperiksaan seperti di Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Bagi institusi pendidikan Islam yang lain, ia berperanan secara tidak langsung dan didapati institusi berkenaan tidak bermatlamatkan dalam melahirkan para pendidik. Bahkan ia lebih tertumpu kepada memberi pengetahuan agama Islam pada masyarakat Islam agar lebih faham di dalam Islam.

Namun, di akhir tahun kajian, peranan institusi pendidikan Islam menampakkan keberkesanannya dengan terlahirnya sebilangan pendidik yang mendapat asas pendidikan di institusi berkenaan.

4.4 PENDIDIK-PENDIDIK YANG MENDAPAT DIDIKAN AWAL DARI INSTITUSI-INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM DI DAERAH BESUT PADA TAHUN 1872-1937

Setelah dibuat kajian, penulis mendapati pada awal punubuhan institusi pendidikan Islam di Besut, generasi pendidik gagal dipertahankan. Ini kerana usaha meneruskan institusi pendidikan hanya lebih tertumpu kepada mewariskan kepada anak atau seseorang murid terpilih sahaja. Selepas itu, tiada usaha-usaha untuk mengekalkan institusi berkenaan sehinggakan tiada pelapis yang dapat menggantikan institusi tersebut. Ini menjadikan institusi tersebut tidak bertahan lama.

Pada akhir tahun kajian penulis, peranan institusi pendidikan mula berperanan dalam melahirkan para pendidik. Berikut adalah individu yang telah berjaya menjadi pendidik dan mereka ini mendapat pendidikan awal di institusi pendidikan Islam di Besut.

- 1. Tuan Guru Haji Hussein bin Haji Mohammad Amin**, - beliau merupakan murid Tuan Guru Haji Hassan Al-Fatani yang menjadi pengasas Pondok Gong Surau, Besut. Sebelum beliau menuntut ilmu di Mekah, beliau sempat menuntut ilmu dengan Tuan Guru Haji Hassan Al-Fatani dan beliau berupaya menjadi pengasas di Pondok Kampung Lampu.
- 2. Tuan Guru Hj. Muhammah bin Hussein**, - beliau merupakan anak kepada Tuan Guru Haji Hussein dan mengambil alih pondok bapanya seketika sebelum menyerahkannya kepada adiknya. Beliau juga turut belajar dan

menyumbang tenaga di Pondok Kampung Lampu sebagai asas latihan untuk menjadi seorang pendidik.

3. **Tuan Guru Haji Abdullah bin Hussein**, - beliau juga anak kepada Tuan Guru Haji Hussein. Mendapat asas agama di pondok bapanya dan pada masayang sama belajar di Mekah. Beliau juga turut mengajar di pondok bapanya.
4. **Haji Abdul Kadir bin Hussein**, - beliau juga antara anak Tuan Guru Haji Hussein yang belajar dan mengajar di pondok bapanya itu.
5. **Tuan Guru Haji Umar**, - beliau mendapat pendidikan awal di Pondok Kuala Besut iaitu Pondok Tuan Guru Haji Muhammad sebelum melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Sekembalinya beliau ke tanah air, beliau telah mengasaskan pondok di Kampung Raja.

Setakat penelitian penulis, walaupun ramai di kalangan pelajar yang datang belajar di institusi pendidikan Islam di Besut sekitar tahun 1872-1937, tidak ramai yang berupaya menjadi pendidik. Hal ini berlaku kerana sesetengah mereka tidak berupaya melanjutkan pelajarannya ke Mekah dan sebagainya bagi mendalami dan menguasai ilmu agama lagi, disebabkan masalah kewangan. Kebanyakan mereka mengamalkan mempraktikkan ilmu yang diperolehi untuk diri mereka dan juga keluarga terdekat mereka sahaja..

Penulis juga turut menyenaraikan beberapa pendidik yang masih ada sehingga kini, yang turut mendapat pendidikan awal di institusi pendidikan Islam di Besut terutama di Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif.

i. Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Menteri Besar Kelantan)

Beliau merupakan salah seorang pendidik yang mendapat pendidikan awal di Pondok Jerteh, iaitu Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Beliau menuntut selama tiga tahun di sana sebelum menyambung pelajarannya ke Mesir dan India.⁸⁷ Ketika di pondok Jerteh, beliau pernah diberi tanggungjawab sebagai ketua pengawas atau '*raisul 'ām*'. Sekarang beliau merupakan seorang pendidik yang terkenal, mahir dalam ilmu agama dan sekarang menjadi Menteri Besar di Kelantan.

Oleh kerana cintakan dunia pendidikan, beliau telah menyambung usaha bapanya dalam pendidikan dengan berkhidmat di institusi pondok yang diasaskan oleh bapanya berdekatan dengan kediaman beliau di Pulau Melaka, Kelantan. Sehingga kini beliau terus dengan dunia pengajaran dengan mengadakan kuliah mingguan setiap Jumaat di Kota Bharu dan kuliah subuh di masjid beliau di Pulau Melaka.⁸⁸

ii. Sheikh Abdul Halim Bin Abdul Kadir

Beliau merupakan salah seorang pelajar di pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif pada sekitar awal penubuhannya. Sheikh Abdul Halim dilahirkan di Jerteh,

⁸⁷ Temuramah penulis dengan Ustaz Wan Yusof yang merupakan rakan sekelas Tuan Guru Nik Abdul Aziz ketika di Pondok Jerteh.

⁸⁸ Penulis tidak sempat bertemu dengan Tuan Guru Nik Abdul Aziz kerana kesibukan beliau sebagai Menteri Besar Kelantan. Namun begitu, beliau telah memberi kelonggaran dengan berhubung dengan Setiausaha Peribadi beliau iaitu Encik Nik Azlan. Penulis dapat bertemu dengan Encik Nik Azlan pada 19 April 2000, di pejabat beliau, Pejabat Menteri Besar, Kota Darul Naim, Telipot. Beliau telah memberi sedikit sebanyak maklumat dan biodata Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz

Terengganu pada tahun 1935. Pada mulanya beliau hanya mengikut abangnya yang merupakan pelajar di sana. Ini diambil kesempatan oleh beliau untuk turut sama belajar bersama-sama dan menimba sebanyak mana ilmu yang diperolehi.⁸⁹

Selepas itu beliau sambung ke Sekolah Menengah Darul 'Ulūm, Mekah Al Mukarramah seterusnya menuntut ilmu di Masjid Al-Haram Mekah. Beliau meneruskan pengajiannya di Al Ma'ahād Al 'Ilmi Al-Sa'ūdi, Madinah Munawwarah dan kembali menyambung pelajarannya di Universiti Al-Azhar dan berjaya mendapat Diploma Pendidikan serta Ijazah di Universiti tersebut pada tahun 1966.

Dengan hasil didikan dan ilmu diperolehi, Sheikh Abdul Halim pernah berkhidmat sebagai Penolong Nazir Guru-guru Agama Kelantan, Pensyarah Pendidikan Agama Islam di Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur pada tahun 1978 – 1984. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Islam Malaysia pada tahun 1993 – 1994. Beliau pernah menjawat sebagai Mufti Negeri Terengganu pada tahun 2000-2004.

iii. Ustaz Wan Hassan bin Ahmad

Beliau merupakan anak jati Besut. Dilahirkan di Kampung Pulau Salim dan sekarang menetap di Kampung Padang Luas, Besut. Beliau merupakan salah seorang penuntut di Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Ustaz Wan Hassan merupakan salah seorang anak saudara Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Ini membuatkan beliau merupakan salah seorang pelajar harapan Tuan Guru pada masa itu. Beliau cemerlang

⁸⁹ Temuramah penulis dengan Sheikh Abdul Halim di pejabat beliau di Majlis Agama Dan Adat Istiadat, Bukit Besar, Terengganu pada 4 Februari 2001M, jam 3.00 petang.

dalam pelajarannya dan beliau berjaya melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin.⁹⁰ Apabila tamat belajar di sana, beliau berhasrat untuk melanjutkan pelajarannya ke Mesir, tetapi hasrat itu terpaksa dilupakan kerana masalah kewangan.

Oleh kerana naluri berjiwa pendidik mengalir dalam dirinya, beliau terus berkhidmat sebagai guru agama di sembilan buah sekolah, Bermula di Sekolah Menengah Chabang Tiga, Kuala Terengganu pada tahun 1953. Beliau bersara dari dunia perguruan pada tahun 1986 iaitu di Sekolah Kebangsaan Bintang.⁹¹

Walaupun sudah bersara, semangat ingin mendidik anak bangsa diteruskan dengan mengajar di pondok yang dibuka bersamanya dan beberapa lagi rakannya di Kampung Padang Luas. Lebih kurang setahun pembukaan sekolah pondok tersebut, beliau jatuh sakit. Namun begitu, beliau gagahi juga dengan qudrat yang ada untuk pergi mencurahkan ilmu walaupun tidak dapat pergi ke satu kelas ke satu kelas. Beliau hanya duduk di musalla sekolah itu, dan pelajar datang kepadanya apabila sampai waktunya. Sekarang kesihatan beliau tidak mengizinkan beliau meneruskan baktinya di sekolah pondok tersebut. Jadi, walaupun hanya duduk di rumah, beliau masih berkesempatan mencurahkan ilmunya kepada cucu-cucunya yang setiap minggu datang mempelajari dengannya lebih-lebih lagi dalam ilmu bahasa arab.

⁹⁰ Temubual dengan Ustaz Wan Hassan *op.cit.*.

⁹¹ *Ibid*

iv. Ustaz Wan Yusoff b. Wan Abdullah

Beliau dilahirkan di Pulau Salim pada tahun 1932. Sekarang menetap di Alor Lintang. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Pondok Jerteh juga. Kemudian melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu pada awal tahun 50 an. Selepas itu, beliau terus mengecap cita-citanya sebagai pendidik bermula dari Sekolah Kebangsaan Alor Lintang dan bersara di Sekolah Kebangsaan Lelaki Dungun pada tahun 1984. Walaupun beliau telah bersara dari dunia pendidikan, namun semangat untuk terus mencurahkan bakti sentiasa ada. Beliau turut bersama dalam menjadi salah seorang tenaga pengajar di sekolah pondok At Taqwa Kampung Padang Luas, yang dibina bersama oleh bekas pelajar sekolah pondok tersebut. Beliau berpendapat, perkembangan pembelajaran ala pondok tidak terhenti walaupun zaman sudah moden.⁹²

v. Ustaz Abas bin Said

Beliau yang sekarang menetap di Kampung Padang Luas merupakan salah seorang pelajar di Sekolah Pondok Jerteh. Selepas menimba ilmu di Pondok Jerteh, beliau melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Inderaputera Beris Kubor Besar, Bachok Kelantan. Selepas itu beliau teruskan pengajiannya di Maahad Muhammadi, Kelantan.⁹³

⁹² Temubual dengan Ustaz Wan Yusoff d. Wan Abdullah pada 13 Oktober 2001 di Pondok At-Taqwa, Padang Luas, Jerteh.

⁹³ Temubual dengan Ustaz Abas bin Said pada 13 Oktober 2001 di Pondok At-Taqwa, Kampung Padang Luas, Jerteh.

Selepas itulah beliau menjadi pendidik sebagai karier beliau. Apabila bersara pada tahun 1991, beliau adalah salah seorang individu kuat yang terlibat dalam pembinaan Pondok At Taqwa di Padang Luas dalam usaha memberi dan membaiki didikan agama anak watan terutama yang lemah dalam pendidikan. Dan sekarang beliau merupakan mudir di sana.⁹⁴

vi. Ustaz Yusof Bin Ismail

Beliau juga anak jati Besut, dilahirkan pada tahun 1932. Beliau juga merupakan salah seorang pelajar di Pondok Jerleh iaitu Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Sebelum belajar di pondok berkenaan, beliau mendapat pendidikan asas di Sekolah Melayu Kampung Nangka, Jerleh.⁹⁵

Selepas menghabiskan pendidikan di pondok tersebut, beliau terus menyumbang bakti sebagai guru di Sekolah kebangsaan Pusat Jerleh pada tahun 1953. Beliau terus ditugaskan di beberapa buah sekolah lagi hinggalah bersara pada 1987 di Sekolah Tanah Merah, Besut.⁹⁶

Disebabkan ingin terus mencurahkan bakti, Ustaz Yusof terus menyambung khidmatnya sebagai tenaga pengajar di pondok Al Taqwa, Padang Luas.

⁹⁴ *Ibid*

⁹⁵ Temubual dengan Ustaz Yusof Ismail pada 13 Oktober 2001 di Pondok At Taqwa, Kampung Padang Luas, Jerleh.

⁹⁶ *Ibid*

vii. Ustaz Mohd. Zin B. Haji Mahmud

Beliau dilahirkan pada 14 Disember 1934. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Lelaki Pasir Puteh, Kelantan. Kemudian beliau bertukar ke Sekolah Rendah Apal, Besut dan terus menyambut pelajarannya di Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif pada tahun 1949. Setelah itu, beliau berpeluang menyabung pelajarannya ke Sekolah Arab Pasir Mas dan terus ke Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar pada tahun 1956.⁹⁷

Setelah tamat pendidikan di situ, beliau mencurahkan bakti sebagai guru bermula di Sekolah Pusat Jerleh dan bersara pada tahun 1989 di Sekolah Kebangsaan Apal, Jerleh. Sebagaimana sahabatnya yang lain, beliau terus menyambung baktinya sebagai seorang pendidik di Sekolah Pondok Al Taqwa.

viii. Ustaz Wan Ahmad bin Wan Abas

Beliau juga anak jati Besut, dilahirkan pada 19 Oktober 1936. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Nangka. Kemudian meneruskan pengajiannya di Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif, Jerleh sebelum melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin pada tahun 1955.

Setelah menamatkan pengajian, beliau terus berkhidmat sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Paka, Kemaman dan beberapa sekolah lain selepas itu. Beliau bersara pada tahun 1986 di Sekolah Kebangsaan Felda Tenang sebagai sekolah

⁹⁷ Temubual penulis dengan Ustaz Muhammad Zin pada 13 Oktober 2001, di Pondok Al-Taqwa, Kampung Padang Luas, Jerleh.

terakhir beliau. Namun begitu, dengan semangat ingin terus berkhidmat sebagai pendidik, beliau sekarang menjadi salah seorang tenaga pengajar di Sekolah Pondok Al- Taqwa.⁹⁸

4.5 PONDOK AL-TAQWA, KAMPUNG PADANG LUAS, BESUT

Pondok Al-Taqwa merupakan sebuah institusi pendidikan Islam ala pondok yang terdapat di Besut. Penulis memaparkan institusi berkenaan kerana Pondok Al-Taqwa merupakan sebuah institusi yang dibina oleh bekas penuntut yang belajar di institusi kajian penulis. Selain meneruskan usaha yang dilakukan oleh Allahyarham Tuan Guru mereka iaitu Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif, sifat pendidik yang ada dalam diri mereka, menjadikan mereka bersepakat meneruskan institusi pondok seperti yang mereka pelajarnya dahulu.⁹⁹

Seperti yang diceritakan oleh Ustaz Abas bin Said ketika temubual penulis dengannya, beliau menceritakan latar belakang penubuhan dan sistem pembelajaran yang ada di Pondok Al-Taqwa.


Pondok ini didirikan atas idea dan kesepakatan kata oleh enam individu penting iaitu Ustaz Abas bin Said, Ustaz Wan Hassan bin Ahmad, Usataz Hussin bin Awang, Ustaz Wan Yusoff bin Wan Abdullah, Ustaz Wan Ahmad bin Wan Abas dan Ustaz Hasan Said. Kesedaran timbul apabila melihat ramai pelajar sekolah rendah

⁹⁸ Temubual penulis dengan Ustaz Wan Ahmad Wan Abas pada 13 Oktober 2001, di Pondok Al-Taqwa Kampung Padang Luas, Jerleh Terengganu.

⁹⁹ Maklumat tentang pondok Al-Taqwa penulis dapati hasil daripada temubual dengan Ustaz Abas bin Said, guru besar Pondok Al-Taqwa, di rumah beliau Kampung Padang Luas pada 17 Oktober 2001.

yang tercicir dalam persekolahannya akibat kemiskinan ibubapa dan juga miskinnya fikiran mereka terhadap penting pelajaran terutama pelajaran agama Islam.¹⁰⁰

Pondok ini ditubuhkan pada 24 Januari 1992 dengan menggunakan surau atau lebih dikenali sebagai musalla Ustaz Abas (bersebelahan rumah Ustaz Abas), sebagai tempat pengajian. Seramai 34 pelajar lelaki dan perempuan dengan menempatkan pelajar lelaki di surau dan pelajar perempuan di rumah sewa berdekatan. Tenaga pengajar pada mulanya seramai 5 orang iaitu Ustaz Abas sendiri, Ustaz Wan Hassan Ahmad, Ustaz Wan Yusoff Wan Abdullah, Ustaz Wan Ahmad Wan Abas dan Ustaz Yusof Ismail. Kesemua mereka adalah bekas penuntut Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif.



¹⁰⁰ *Ibid*

Gambar E: Tenaga pengajar Pondok Al-Taqwa, Padang Luas, Jerteh.

Berdiri dari kiri ke kanan: Ustaz Wan Ahmad Wan Abas, Ustaz Mohammad bin Omar, Ustaz Mohd. Zin bin Haji Mahmud.


Duduk dari kiri ke kanan: Ustaz Wan Yusoff Wan Abdullah, Ustaz Abas bin Said, Ustaz Yusof Ismail.

Tiada dalam gambar: Ustaz Hawari Abas, Ustaz Wan Hassan Ahmad

Setahun kemudian pondok berkenaan dipindahkan di sebidang tanah yang diwakafkan. Tanah tersebut kepunyaan isteri Ustaz Abas. Keluasan tanah yang kurang dari 1 ekar itu didirikan musalla dua tingkat. Rumah panjang dibina sebanyak 3 pondok, enam orang satu bilik. Bagi pelajar lelaki, mereka membina pondok mereka sendiri untuk kediaman mereka di sana. Kos pembinaan pondok dibiayai oleh ibubapa mereka masing-masing dan pembinaan musalla dibiaya oleh derma orang ramai.¹⁰¹

Pada tahun 1994 hampir keseluruhan pondok Al-Taqwa terbakar. Pembinaan semula pondok tersebut dengan bantuan orang ramai berjaya mendirikan 4 buah bangunan yang terdiri musalla, 2 buah asrama, dan sebuah bangunan untuk memasak. Pelajar pada masa itu mencecah 100 orang, 68 lelaki dan 32 pelajar perempuan. Pelajar yang datang belajar di sana kebanyakan dari sekitar Besut, Setiu, Kelantan seramai 5 orang, Pahang 3 orang, Selangor dan Johor seorang masing-masing.

¹⁰¹ *Ibid*




Gambar F: Pemandangan hadapan Pondok Al-Taqwa, Padang Luas, Jerneh

Kebanyakan yang datang belajar di Pondok Al-Taqwa kerana minat mereka untuk belajar agama dan juga disokong oleh ibubapa mereka.

Sukatan pelajaran yang diajar pada asasnya sama dengan apa yang dipelajari oleh tenaga pengajar di sini ketika pengajian mereka di Pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif dan campuran dari Jamiah Merbau, Kota Bharu Kelantan (tempat pengajian Ustaz Abas Said selepas pengajian beliau di pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif). Cuma sedikit pengubahsuaian dari segi teks dan penambahan matapelajaran bersesuaian dengan keadaan semasa. Matapelajaran tersebut ialah Tauhīd, Fiqh, Tafsīr, Ḥadīth, Tajwīd, Naḥu, Ṣaraf, Akhlak, Bahasa `Arab, Hafal al-Qur`an dan Sirah. Hampir 70% pengajaran di dalam bahasa `Arab.¹⁰²

¹⁰² *Ibid*



Gambar G: Mini Perpustakaan di Surau Pondok Al-Taqwa, Padang Luas Jerteh.

Sehingga kini Pondok Al-Taqwa masih beroperasi dan binaannya semakin bertambah sama ada dari segi prasarana atau bilangan unit bangunan.